



Laporan Tahunan 2012
Annual Report



Rasional Muka Depan

Pucuk Setawar, atau juga dikenali sebagai nama saintifiknya *Kalanchoe pinnata*, yang mekar, menjadi metafora yang menggambarkan perkembangan fasa kedua Koridor Utara. Tumbuhan ini berkebolehan untuk bercambah, walaupun tanpa kehadiran tanah, dan menjadi simbol fleksibiliti dan daya ketahanan Koridor Utara untuk berkembang maju dalam pelbagai suasana dan situasi. Ini disebabkan oleh asas kukuh yang telah dipupuk oleh NCIA semasa fasa pertama.

Cover Rationale

Shown on this cover with its saplings blooming, the Kalanchoe pinnata, locally known as the Setawar, becomes a metaphor to depict the continued growth of Koridor Utara as it enters its second phase of development. This unique plant, known for its ability to bud, even without the presence of soil, conveys the versatility and resilience of Koridor Utara thriving in all conditions, thanks to the solid foundation that the NCIA has fostered during its first phase.



Wawasan Vision	03
Penubuhan dan Objektif Establishment and Objectives	04
Perutusan Pengerusi Statement by the Chairman	06 - 09
Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Members of the Northern Corridor Implementation Authority	10 - 11
Jawatankuasa Pengurusan Management Committee	12
Jawatankuasa Audit Audit Committee	13
Pihak Pengurusan NCIA The Management of NCIA	14 - 15
Carta Organisasi Organisation Chart	16 - 17
Kenyataan Ketua Eksekutif Statement by the Chief Executive	18 - 23
Sorotan Penting Fasa Satu 2008 - 2012 Phase One Highlights 2008 - 2012	26 - 27
Peristiwa-peristiwa Penting pada tahun 2012 Significant Milestones in 2012	28 - 29
Sektor Pertanian Agriculture Sector	30 - 37
Sektor Pembuatan Manufacturing Sector	38 - 47
Sektor Pelancongan Tourism Sector	48 - 57
Sektor Logistik Logistics Sector	58 - 63
Sektor Pendidikan dan Modal Insan Education and Human Capital Sector	64 - 71
Menyentuh Hati Rakyat Koridor Utara Touching the Lives of the Rakyat in Koridor Utara	72 - 75
Penyata Kewangan Financial Statement	76 - 109
Ibu Pejabat dan Pejabat-Pejabat NCIA NCIA Head Office and NCIA Offices	110 - 111

Dalam Kenangan.....

In Remembrance.....

NCIA amat menyanjung tinggi pengorbanan anggota-anggota keselamatan demi mempertahankan kedaulatan negara semasa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Kami akan sentiasa mengingati semangat kepahlawanan para pejuang tanah air yang telah terkorban. Pengorbanan mereka adalah demi kesejahteraan dan kemakmuran kita. Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh-roh mereka.

NCIA honours the contribution of our armed forces in protecting the sovereignty of our nation during the Lahad Datu, Sabah incursion. We shall remember the heroism of our fallen heroes. They have laid down their lives so that we may live in peace and prosper. May God bless their souls.



Wawasan

Vision

Untuk menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang 2025 bagi masyarakat untuk melabur, bermastautin, mendapatkan ilmu pengetahuan dan membina keluarga dalam persekitaran yang selamat, bersih dan lestari.

To be a world-class economic region of choice for investments, work, living and learning in a safe, clean and sustainable environment by 2025.



Penubuhan dan Objektif

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, dasar serta strategi berhubung dengan pembangunan sosioekonomi di Koridor Utara yang meliputi 21 daerah dalam wilayah utara Semenanjung Malaysia di negeri-negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Objektif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah untuk:

1. Mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor-sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan, dan logistik ke arah peningkatan dalam rantaian nilai
2. Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi
3. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi
4. Memperbaiki kualiti hidup
5. Memperkukuh institusi dan kapasiti pelaksanaan

Establishment and objectives

The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) was established under the Northern Corridor Implementation Authority Act 2008 (Act 687) as the authority responsible for providing direction and for devising policies and strategies in relation to socio-economic development in the Koridor Utara, which encompasses 21 districts in northern Peninsular Malaysia in the states of Kedah, Perak, Perlis, and Penang.

The objectives of the Northern Corridor Implementation Authority are:

- 1. To accelerate economic growth by developing core economic sectors, namely agriculture, manufacturing, tourism and logistics*
- 2. To address socio-economic imbalances*
- 3. To raise the capacity for knowledge and innovation*
- 4. To improve the quality of life*
- 5. To strengthen institutional and implementation capacity*



Perutusan Pengerusi

Statement By The Chairman



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**



**Dato' Sri Mohd Najib bin
Tun Haji Abdul Razak**

Pengerusi
Chairman



Alhamdulillah, dengan limpah rahmatNya, negara kita dapat mengekalkan hala tuju dan matlamat bagi memastikan kemakmuran dan pembangunan yang saksama dapat dikecapi pada masa hadapan. Insya-Allah, Malaysia akan berupaya mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Usaha-usaha kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) terbukti telah memastikan negara kekal kukuh daripada terjejas akibat kelembapan ekonomi global. Melalui peningkatan pelaburan swasta dan pertumbuhan penggunaan domestik, Malaysia mampu memenuhi sasaran keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 5.6% pada tahun 2012, satu peningkatan daripada 5.1% yang dicapai pada tahun 2011.

Usaha transformasi negara telah diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia, yang meletakkan Malaysia di tangga ke-12 ekonomi paling berdaya saing dalam urusan perniagaan di kalangan 185 buah negara yang dilaporkan dalam *Doing Business 2013*, iaitu satu lonjakan positif daripada kedudukan ke-18 yang dikecapi pada tahun 2012.

Alhamdulillah, with His grace and blessing, our country managed to maintain its course and direction in ensuring future prosperity with inclusive and equitable development; and Insya-Allah, we will be able to achieve our goal of becoming a developed and high-income nation by the year 2020.

Efforts by the government through the Economic Transformation Programme (ETP) had insulated the country from the effects of the global economic slowdown. Through increased private investments and growth in domestic consumption, Malaysia was able to meet its targeted GDP growth of 5.6% in 2012, an increase from the 5.1% achieved in 2011.

Our efforts in transforming the country have been recognised by international bodies such as the World Bank, which placed Malaysia as the 12th most competitive economy in doing business among 185 countries surveyed in its *Doing Business 2013* Report, a leap from our 18th position in 2012.

Perutusan Pengerusi

Statement by the Chairman

Bank Dunia juga telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara 10 negara teratas di rantau Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik dalam membawa kemajuan yang ketara di dalam pembangunan amalan perniagaan yang terbaik. Laporan itu menyatakan bahawa Malaysia juga berada di tangga teratas bagi kategori kemudahan akses kepada kredit dan juga perlindungan pelabur.

Fasa Pertama Rangka Tindakan Koridor Utara telah dapat dilaksanakan secara sepenuhnya pada tahun 2012. Pelaksanaan program-program pembangunan yang dipacu oleh NCIA telah menghasilkan pertumbuhan ekonomi melalui sektor-sektor utamanya iaitu Pertanian, Pembuatan, Pelancongan dan Logistik, serta disokong oleh program-program Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan. Dalam Fasa Pertama, tumpuan diberikan kepada pembinaan infrastruktur, mengenal pasti para pelabur utama dan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi. Melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, NCIA telah berjaya menarik pelaburan sektor swasta yang berjumlah RM29.7 bilion, serta mewujudkan sebanyak 42,602 peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan sejak penubuhannya pada tahun 2008.

Saya mengucapkan tahniah kepada Pengurusan NCIA kerana mencapai keputusan terbaik setakat ini dalam menarik penyertaan sektor swasta dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.3 bilion pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 24% daripada RM9.9 bilion yang diterima pada tahun 2011, satu pencapaian yang cemerlang memandangkan prestasi ekonomi global yang tidak menentu.

Alhamdulillah, kemajuan yang telah dicapai setakat ini di Koridor Utara adalah sangat membanggakan. Namun, ini hanyalah satu permulaan.

Koridor Utara akan memulakan fasa kedua pembangunannya pada tahun 2013 hingga tahun 2020, dengan menetapkan hala tuju yang digariskan untuk mengubah rantau ini menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia. Sehubungan itu, NCIA akan memperluaskan penglibatan sektor swasta di rantau ini, di samping mewujudkan rangkaian perniagaan di dalam dan luar negara dengan matlamat utama untuk memacu pertumbuhan sosio-ekonomi dan merealisasikan kesaksamaan sosial di Koridor Utara.

Kerajaan Malaysia komited dalam memastikan kemajuan dan kejayaan yang berterusan dapat dikecapi di Koridor Utara.

The World Bank has also acknowledged Malaysia as among the top 10 countries in the Asia-Pacific Economic Cooperation region in making the most progress towards developing the best business practices. Our country also led the report's ranking for ease of access to credit and for investor protection.

The year 2012 marks the end of Phase 1 of the Koridor Utara Blueprint. The implementation of development programmes set out by NCIA created inflows to the economy via the core economic sectors such as Agriculture, Manufacturing, Tourism and Logistics, as well as Education and Human Capital Development. During Phase 1 of the Koridor Utara Blueprint, which focused on building infrastructure, identifying key investors and implementation of high impact projects, Koridor Utara had attracted a total of RM29.7 billion in private sector investment since its inception in 2008; and created a total of 42,602 jobs and business opportunities.

It gives me great pleasure to congratulate NCIA in achieving its best ever result in terms of attracting private sector participation, with a total investment of RM12.3 billion in 2012. This was an increase of 24% from RM 9.9 billion which was achieved in 2011, an outstanding accomplishment in view of the listless global economic performance.

Alhamdulillah, the progress that has been achieved so far in Koridor Utara is highly laudable. But this is just the beginning.

Koridor Utara will be entering its second phase of development beginning from next year right up to the year 2020, setting the course in transforming the northern region into a world-class economic region. NCIA will be looking towards broadening private sector involvement in the region, including establishing business networks and cultivating both foreign and domestic linkages. Its ultimate objective is to drive socio-economic growth and realising social equity in the northern corridor.

On our part, the Malaysian Government is committed towards ensuring the continued progress and ultimate success of Koridor Utara.

Terdapat pelbagai cabaran di masa akan datang, justeru kita seharusnya tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan yang kita kecapai sekarang. Kita perlu meneruskan usaha dalam mencapai sasaran bagi tahun-tahun mendatang. Saya yakin dengan keupayaan Pengurusan NCIA untuk bekerjasama dengan semua pihak seperti sektor awam dan swasta, kementerian, agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, bagi memastikan matlamat-matlamat dapat dicapai.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurusan NCIA serta kerajaan-kerajaan negeri di atas usaha gigih dalam melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi yang memanfaatkan Rakyat di Koridor Utara. Saya yakin bahawa usaha ini akan berterusan dan berharap NCIA akan terus memainkan peranannya dalam transformasi dan pembangunan ekonomi Koridor Utara demi kepentingan rakyat.

Terima kasih.

1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"



Dato' Sri Mohd Najib

There are many challenges ahead. NCIA must not rest on its laurels. NCIA must continue to strive to achieve its targets in the years to come. I am confident in the ability of the management team to collaborate with all relevant parties, such as the public and private sectors, ministries, government agencies and other stakeholders for the realisation and achievement of its goals.

I would like to express my sincere gratitude to the management of NCIA; and also the respective State Governments for their tireless efforts, in delivering the socio-economic benefits to the Rakyat in the northern region. I remain confident of our continued progress in the years to come; and I hope NCIA will continue to play its role in the economic transformation and development of Koridor Utara for the benefit of the people.

Thank you.

1Malaysia "People First, Performance Now"



Dato' Sri Mohd Najib

Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Members of the Northern Corridor Implementation Authority



Perdana Menteri Malaysia (Pengerusi)

Prime Minister Of Malaysia (Chairman)

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak



Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Deputy Prime Minister Of Malaysia

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin



Menteri Besar Kedah
Chief Minister Of Kedah
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Haji Azizan bin Abdul Razak



Menteri Besar Perak
Chief Minister Of Perak
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Haji Abd. Kadir



Menteri Besar Perlis
Chief Minister Of Perlis
Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Dr Md. Isa bin Sabu



Ketua Menteri Pulau Pinang
Chief Minister Of Penang
Yang Amat Berhormat
Tuan Lim Guan Eng



Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Minister In The Prime Minister's Department
Yang Berhormat
Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop



Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Minister In The Prime Minister's Department
Yang Berhormat
Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon



Ketua Setiausaha Negara
Chief Secretary To The Government
Yang Berbahagia
Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa



**Presiden & Ketua Eksekutif
Kumpulan Sime Darby Berhad**
President & Group Chief Executive
Of Sime Darby Berhad
Yang Berbahagia
Tan Sri Mohd Bakke bin Salleh

Jawatankuasa Pengurusan

Management Committee

PENGERUSI • CHAIRMAN

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa

Ketua Setiausaha Negara
Chief Secretary to the Government

AHLI-AHLI • MEMBERS

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Secretary General of Treasury

YBhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Director General of the Economic Planning Unit, the Prime Minister's Department

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain

Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
Director General of the Public Private Partnership Unit, the Prime Minister's Department

YB. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Perak State Secretary

YB. Dato' Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Penang State Secretary

YB. Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli bin Basir

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Kedah State Secretary

YB. Dato' Azizan bin Hamid

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Perlis State Secretary

YBhg. Dato' Azlin bin Alias

Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri
Special Officer to YAB Prime Minister

YBhg. Dato' Ir. Jauhari bin Hamidi

Wakil Sime Darby Berhad
Sime Darby Berhad Representative

YBhg. Dato' Redza Rafiq bin Abdul Razak

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
Chief Executive of Northern Corridor Implementation Authority

Jawatankuasa Audit

Audit Committee

PENGERUSI • CHAIRMAN

YB. Dato' Azizan bin Hamid

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Perlis State Secretary

AHLI-AHLI • MEMBERS

YB. Dato' Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Penang State Secretary

YBhg. Dato' Rahim bin Abu Bakar

Wakil Kementerian Kewangan
Representative of the Ministry of Finance

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain

Wakil Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
Representative of the Public Private Partnership Unit, the Prime Minister's Department

YBhg. Datuk Razali bin Che Mat

Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Representative of the Economic Planning Unit, the Prime Minister's Department

Pihak Pengurusan NCIA

The Management of NCIA



Dato' Redza Rafiq - Ketua Eksekutif *Chief Executive*

Rosmin Mohamed - Pemasaran dan Perhubungan Pelabur *Marketing and Investor Relations*

Ir. Cheang Wai Mun - Pembuatan *Manufacturing*

Zuhairi Mohamad - Perkhidmatan Korporat *Corporate Services*

(Dari kiri ke kanan *from left to right*)



Jariyah Hashim - Pendidikan dan Modal Insan *Education and Human Capital*

Zalman Basri - Pertanian *Agriculture*


Farid Wajidi Mat Yusoff - Operasi dan Tugas-tugas Khas *Operations and Special Functions*

Kuan Eu Jin - Pelancongan dan Logistik *Tourism and Logistics*

(Dari kiri ke kanan *from left to right*)

Carta Organisasi

Organisation Chart



Pejabat Ketua Eksekutif
Office Of The Chief Executive

Unit
Pelaksanaan Program
Programme
Implementation Unit
Shahrudin Esa

Operasi &
Tugas-tugas Khas
Operations &
Special Functions
Farid Wajidi
Mat Yusoff

Komunikasi Korporat &
Perhubungan Media
Corporate Communications
& Media Relations
Kharsiah Ismail

Penasihat Ekonomi
Economic Advisor
Mohamad Reaz
Abdullah

Pendidikan &
Modal Insan
Education & Human Capital
Jariyah Hashim

Perkhidmatan Korporat
Corporate Services
Zuhairi Mohmad

Pemasaran &
Perhubungan Pelabur
Marketing &
Investor Relations
Rosmin Mohamed



Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif Chief Executive

Kenyataan Ketua Eksekutif

Statement by the Chief Executive

Tahun 2012 menandakan berakhirnya fasa pertama Rangka Tindakan Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Sejak penubuhannya, NCIA telah berjaya menghasilkan aktiviti-aktiviti ekonomi mampan dengan penglibatan sektor swasta.

Kemelesetan ekonomi pada tahun lepas adalah lanjutan daripada krisis perbankan pada tahun 2008-2009. Pertumbuhan ekonomi dunia merosot kepada 3%; dan keadaan ini dijangka berterusan pada masa hadapan. Ketidaktentuan keadaan ekonomi ini berpunca daripada isu-isu fiskal di Amerika Syarikat, ekonomi China yang semakin matang dan isu hutang yang melanda Eropah. Walau bagaimanapun, Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan telah membuahkan hasil yang membolehkan ekonomi negara tetap berkembang sebanyak 5.6% pada tahun 2012 berbanding 5.1% pada tahun sebelumnya.

Tahun 2012 merupakan tahun pencapaian terbaik NCIA dalam menarik penyertaan sektor swasta berjumlah RM12.3 bilion, peningkatan sebanyak 24% daripada RM9.9 bilion yang dicapai bagi tempoh yang sama pada tahun 2011. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan hubungan erat antara NCIA dengan sektor awam dan swasta. Hasil strategi pemudahcara pelaburan ini telah dapat meningkatkan penglibatan sektor swasta di Koridor Utara.

Pengurusan NCIA menyedari bahawa aspirasi rakyat serta kerajaan harus dipenuhi. Justeru, program-program di Koridor Utara dirancang bagi memberi limpahan sosial dan ekonomi kepada rakyat. Antara usaha-usaha ini adalah melaksanakan inisiatif kemasyarakatan, yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial kumpulan sasar di rantau ini. Kerjasama ini telah menjana 16,335 pekerjaan serta peluang perniagaan pada tahun 2012. NCIA telah berjaya meningkatkan penyertaan sektor swasta sebanyak 188% di kawasan luar bandar iaitu dari RM 255.6 juta pada tahun 2011 kepada RM736.1 juta pada tahun 2012. Salah satu inisiatif kerjasama yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan sosial kumpulan sasar adalah program NCIA-ABM Masuk Kampung. Program ini merupakan inisiatif yang melibatkan pembaikan rumah usang di pelbagai lokasi di Koridor Utara, yang memberi manfaat kepada 405 orang.

The conclusion of Phase One of the Koridor Utara Blueprint in 2012 marked the first significant milestone attained by NCIA since its inception in 2007. During this five-year period, NCIA has matured tremendously as an organisation; and had successfully achieved the objectives of generating sustainable economic activities by catalysing private sector participation.

Last year, we were again beset by the languishing economic predicament caused by the banking crisis of 2008-2009. Global economic growth dropped to almost 3%; and most likely the slowing trend will continue into the near future. Uncertainty across the economic landscape will likely to continue, led by the fiscal issues facing the USA, the maturing Chinese economy as well as a debt-ridden Europe. The silver lining in the economic landscape is that the government-led Economic Transformation Programme (ETP) is beginning to bear traction, with the Malaysian economy growing by 5.6% in 2012 from 5.1% the previous year.

This positive achievement is mirrored in NCIA's best ever year in terms of attracting private sector participation. The period ending December 2012 saw Koridor Utara recording private sector participation amounting to RM12.3 billion, an increase of 24% from RM9.9 billion in the corresponding period in 2011. This success is attributable to the close working relationship with all the various stakeholders from both the public as well as the private sectors. Our collaborative engagement strategies, including investment facilitation, are tipping points that have generated private sector participation into Koridor Utara.

The Management of NCIA is mindful that our performance must satisfy the aspirations of the Rakyat as well as the government. Our programmes encompass all four states in Koridor Utara, with social and economic spillovers benefiting the Rakyat. Accordingly, the NCIA's efforts also include collaborating with our partners from the public and private sectors in delivering various community engagement initiatives to enhance the social well-being of targeted groups within the region. These have resulted in generating 16,335 jobs as well as numerous business opportunities in 2012. We have managed to increase sustainable private sector participation in rural areas by 188%, from RM 255.6 million in 2011 to RM736.1 million in 2012.

Kenyataan Ketua Eksekutif

Statement by the Chief Executive

Pertanian

Pertanian merupakan sektor penting kepada Pengurusan NCIA. Menyedari hakikat ini, usaha-usaha berterusan telah dibuat bagi meletakkan Koridor Utara sebagai zon pengeluaran makanan moden. Penglibatan NCIA dalam Model Pengurusan Estet Padi telah menghasilkan pencapaian yang memberangsangkan dengan hasil purata per hektar meningkat daripada 4 tan metrik kepada 5.5 tan metrik pada tahun 2012. Kerjasama NCIA dengan pelbagai Pertubuhan Peladang Kawasan juga telah memberi manfaat kepada ahlinya yang berjumlah 2,946 orang.

NCIA turut membiayai projek akuakultur di Koridor Utara memandangkan hasil tangkapan ikan dunia telah berkurangan. Pembiayaan ini telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sebagai contoh, usaha sama NCIA dengan Progressive Ocean Sdn Bhd di Langkawi telah menghasilkan tuaian pertama sebanyak 10 tan metrik pada April 2012 dan hasil tuaian tersebut telah dieksport ke Hong Kong.

NCIA amat berbangga kerana beberapa syarikat yang dibantunya telah mencapai kejayaan dalam penjenamaan dan penembusan pasaran. Salah satu contoh syarikat yang berjaya adalah Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB), iaitu pengeluar burger di Kubang Pasu, Kedah. Kerjasama NCIA dan STSB bermula pada 2010 dan STSB berjaya meningkatkan pengeluaran burger daging secara purata daripada 5,000 keping kepada lebih 40,000 keping sehari. Produk berjenama Sempoi keluaran STSB ini juga telah menembusi pasaran Thailand. Kejayaan-kejayaan sebegini mampu memberi kesan limpahan melalui penajaan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan runcit serta perniagaan sokongan lain.

Pembuatan

Pembuatan adalah sektor ekonomi kedua terbesar di Malaysia yang menyumbang 25% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012 dan penyumbang utama aktiviti ekonomi di Koridor Utara. NCIA telah memainkan peranan penting dalam menarik penyertaan sektor swasta ke dalam sektor pembuatan. Penyertaan pihak swasta serta pelaksanaan projek-projek infrastruktur Kerajaan telah menyebabkan pertumbuhan pembangunan di kawasan-kawasan baru serta menggalakan penambahbaikan dilakukan kepada estet-estet dan taman-taman perindustrian sedia-ada. Salah satu contoh penyertaan sektor swasta adalah pelaburan Toyo Tyre Manufacturing (M) Sdn Bhd, yang bernilai RM1.7 bilion di Kamunting, Perak.

One such effort in enhancing the social well-being of targeted groups is the NCIA-ABM Masuk Kampung programme, which benefitted 405 people through the repairs of dilapidated houses in various locations within Koridor Utara.

Agriculture

Agriculture is a critical area of concern to the Management of NCIA; and is consistently enhance to maintain Koridor Utara as the cradle of food production in the country. Our role in promoting Estate Management programmes in paddy farming continues to have positive results with average yield per hectare increasing from 4.0 metric tonnes to 5.5 metric tonnes in 2012. Our collaborations with various Local Farmers' Associations have also brought about increased economic gains to its 2,946 members.

In view of the depleting fish output worldwide, the NCIA's funding of aquaculture continues apace with commendable results in terms of achieving set objectives. For example, our venture with Progressive Ocean Sdn Bhd in Langkawi achieved its first ever harvest of 10 metric tonnes in April 2012, with the harvest mainly exported for the Hong Kong market.

We are proud to see some of the companies that we had initially supported achieve considerable commercial success in terms of branding and market penetration. One such success story is the achievement of Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB), a burger manufacturer in Kubang Pasu, Kedah. The relationship that started in 2010 saw STSB increasing its production from 5,000 beef patties a day to over 40,000 beef patties a day. The product under the brand name of Sempoi has also penetrated the Thailand market. Every success story such as this will correspondingly generate spillovers, providing jobs and business opportunities, including the spawning of retail outlets as well as other support businesses.

Manufacturing

Manufacturing is the second largest contributor to GDP in Malaysia after services, contributing up to 25% of GDP in 2012. It continues to be the mainstay of economic activity in Koridor Utara. The NCIA plays its role in promoting private sector participation in this sector, which has seen a new increase in momentum arising from the existence of big ticket infrastructure projects implemented by the Government.

NCIA juga telah berjaya menggalakan pelaburan semula di Koridor Utara. Pada tahun 2012, industri automotif di Koridor Utara telah menambah dua lagi jenama menjadikan jumlahnya 13. Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd pula telah melabur sebanyak RM750 juta bagi mengembangkan kapasiti pengeluaran untuk pemasangan 16 model baru kereta Kia dan Peugeot.

NCIA turut memainkan peranan sebagai pemangkin kepada kemajuan teknologi di Koridor Utara. Melalui Pusat-pusat Kecemerlangan (COE) yang diwujudkan NCIA, suatu persekitaran kondusif bagi kerjasama swasta-awam-akademia dalam memajukan teknologi-teknologi terutamanya dalam bidang elektronik, mekanikal dan bioteknologi telah diwujudkan. Usaha-usaha ini dapat mendorong peningkatan keupayaan dan penciptaan produk baru. Kemuncak pencapaian NCIA di sektor ini bagi tahun 2012 adalah pembinaan Pusat Biotech Koridor Utara (BTC), yang bakal mencetuskan beberapa projek yang akan mengembangkan sektor bioteknologi pada tahun 2013.

Pelancongan

Koridor Utara mempunyai pelbagai produk pelancongan. Strategi NCIA dalam sektor pelancongan terus kekal, iaitu menghasilkan produk-produk yang akan memberi pengalaman baru kepada pelancong dan seterusnya menggalakkan pelancong tinggal lebih lama serta berbelanja lebih.

NCIA berharap usaha untuk menaik taraf Zoo Taiping dan Hutan Tropika Belum-Temengor akan menarik minat pelancong ke arah kawasan pedalaman. NCIA juga telah dipertanggungjawabkan di bawah Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi untuk mewujudkan lebih banyak lagi pusat peranginan bertaraf 4 dan 5 bintang. Justeru, ia telah memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi membantu pembinaan Seri Chenang Resort dan Spa Langkawi. Pusat peranginan ini berkonsepkan vila tradisional mewah yang diilhamkan oleh kehebatan dan keindahan rumah warisan Melayu.

This has resulted in development spreading beyond the traditional areas in the region as well as rejuvenating old industrial estates and parks. One such example is the investment by Toyo Tyre Manufacturing (M) Sdn Bhd in Kamunting, Perak valued at RM1.7 billion.

We have also been successful in attracting reinvestments in our traditional areas of strength. In 2012, the car assembly industry in Koridor Utara added another 2 brands to its profile, making it the manufacturing centre for 13 automotive brands. Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd has invested RM750 million to expand its production capacity to assemble 16 new models of Kia and Peugeot cars.

The NCIA is also playing a catalytic role in the advancement of technology in Koridor Utara. In our Centres of Excellence (COEs), NCIA plays a role in setting the foundation for private-public-academia collaboration in the advancement of technologies, specifically in the electronic, mechanical and biotechnological fields. We hope that our efforts will lead to the creation of new capabilities and products via a platform to promote market driven research, design, development and commercialisation activities. The pinnacle for our achievements in 2012 is the completion of the Biotechnology Centre in Bukit Minyak, Penang. The center is expected to start inducting several start-ups that will bring growth in the biotechnological field in 2013.

Tourism

Koridor Utara is blessed with a diverse range of tourism products and attractions. The NCIA's strategy in tourism is geared towards the creation of products that will enhance travelling experience, resulting in longer stays and increased spending.

The NCIA has put in major efforts to improve the attractiveness of Zoo Taiping and the Belum-Temengor Tropical Rainforest to entice holiday makers into the hinterland from the more traditional tourism spots in Koridor Utara. The NCIA is also responsible in establishing more 4 to 5-star resort under the auspices of the Langkawi Tourism Blueprint. The NCIA's facilitation towards the development of Seri Chenang Resort and Spa Langkawi is one of such efforts, with the creation of luxury traditional villa inspired by the grandeur and splendour of the beautiful Malay heritage houses.

Kenyataan Ketua Eksekutif

Statement by the Chief Executive

Logistik

Logistik merupakan komponen penting dalam kejayaan ekonomi Koridor Utara. Oleh itu, kesinambungan usaha bagi peningkatan prestasi sektor ini perlu diteruskan untuk mengekalkan daya saingnya.

Bagi mencapai matlamat ini, industri logistik Koridor Utara perlu menceburi bidang-bidang baru selain daripada pengangkutan dan penghantaran. Industri logistik telah berjaya meningkatkan keupayaan dalam menyediakan penyelesaian logistik bersepadu. Ini mendorong NCIA untuk bekerjasama dengan sektor swasta dalam membangunkan One Auto Hub iaitu pusat logistik automotif bersepadu bagi menyokong industri pemasangan automotif. One Auto Hub ini dibangunkan bagi melengkap dan menyokong 13 jenama di dalam industri automotif di Koridor Utara.

Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan

Pendidikan dan pembangunan modal insan adalah pemangkin utama ke arah mencapai kejayaan dalam sosio-ekonomi di Koridor Utara. NCIA menyedari bahawa kejayaan sektor-sektor utamanya sukar dicapai tanpa sumber tenaga kerja yang mahir dan *industry relevant*. Pendekatan NCIA terhadap pembangunan modal insan telah berganjak daripada menganjurkan program-program *quick-win* kepada kerjasama industri-akademia-kerajaan yang mampan. Inisiatif-inisiatif kerjasama industri dan akademia seperti *Wafer Upskilling* dan program pembangunan kurikulum dengan UniMAP adalah relevan dan berterusan. Pada masa yang sama, program NCIA-ABM Masuk Kampung telah berjaya menyumbang kepada pembangunan yang berasaskan kesaksamaan sosial.

Hak mendapatkan pendidikan yang bersesuaian merupakan hak asasi manusia, bak kata Nelson Mandela, *"To deny humans their rights is to deny their very humanity."*

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan-kerajaan negeri, kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan, serta sektor swasta yang mengambil bahagian, membantu dan menyumbang kepada kejayaan Koridor Utara. Saya amat menghargai dan mengharap sokongan padu yang berterusan pada masa hadapan.

Logistics

Logistics remains a key component in the economic success of Koridor Utara. A further improvement of the logistics ecosystem is still required to safeguard the region's competitive advantage.

In order to maintain our competitive advantage, the region's logistics industry must move beyond transportation and forwarding activities. The industry has increased its capabilities by providing integrated logistics solutions. Towards this end, the NCIA is collaborating with a private sector partner in creating the One Auto Hub, an integrated logistics hub to provide logistics services for the automotive industry. The One Auto Hub is designed to complement and support the 13 automotive brands assembled in Koridor Utara.

Education and Human Capital Development

Education and human capital development is a key enabler towards achieving socio-economic success in Koridor Utara. The NCIA is fully aware that its key thrust areas cannot succeed without a skilled and industry relevant workforce. Our approach to human capital development has shifted from successfully implementing quick-win programmes to delivering more sustainable industry-academia-government collaborations. Industry and academia collaboration initiatives, such as the Wafer Upskilling and Curriculum Development Programme with UniMAP, are more industry-relevant, hence sustainable. Meanwhile, the NCIA-ABM Masuk Kampung has given the NCIA the means to promote growth with social equity.

The right to education or the right type of education is a basic human right, and as Nelson Mandela once said, *"To deny humans their rights is to deny their very humanity."*

On that note I would like to thank the state governments, relevant ministries and agencies as well as our partners from the private sector for their assistance and contribution towards Koridor Utara's success. I cherish and hope for their continuous support in the future.

Penghargaan saya juga ditujukan kepada Pengerusi dan ahli-ahli Majlis di atas kebijaksanaan dan nasihat mereka kepada Pengurusan NCIA sepanjang tahun lalu. Sokongan dan galakan mereka akan menyemarakkan semangat kakitangan NCIA untuk lebih cemerlang pada masa hadapan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan NCIA yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

Koridor Utara - Mencapai Kegemilangan!

Terima kasih.

Dato' Redza Rafiq
Ketua Eksekutif

My gratitude and appreciation to the Chairman and Council members for their wisdom and guidance to the Management of NCIA during the past year. Their support and encouragement will drive the team to excel further in its future endeavours. Last but not least, my thanks to the dedicated NCIA management and staff for a job well done.

Koridor Utara – Reach for the Stars!

Thank you.

Dato' Redza Rafiq
Chief Executive

Sekolah dapat makmal komputer

NCIA perkasakan ICT pelajar luar bandar di Parlimen Bagan Serai, Parit Buntar



BAGAN SERAI: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) memperkasakan makmal komputer kepada enam sekolah rendah di kawasan Parit Buntar dan Parit Buntar dalam usaha memperkasakan komputerisasi ICT di kalangan pelajar luar bandar dalam koridor bersejarah.

Penyerahan kunci makmal dinamakan 'eTAKU Lab' (Club IT Koridor Utara) diumumkan oleh Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Faizul kepada enam guru besar sekolah yang menerima makmal ini bertempat di Sekolah Agama Ar-Ridhwaniah, Telok Meriah, di sini, hari ini.



REDZA (dua) dan Zaki (tengah) menyerahkan makmal Sekolah Rendah Agama Ar-Ridhwaniah menggunakan eTAKU Lab di Sekolah Rendah Agama Bagan Serai.

26 EPP berdaya maju

NCIA kenal pasti projek paku NCER dengan nilai sumbangan RM17.46b kepada KDNK

PIAH Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mengenal pasti 26 Projek Penguatkuasaan (EPP) yang bakal menyumbang RM17.46 bilion kepada Koridor Utara Negara (KUN) dan projek ini akan dilaksanakan oleh NCIA dan pihak swasta.

NCIA telah mengenal pasti 26 projek EPP yang bakal menyumbang RM17.46 bilion kepada KUN. Projek EPP ini akan dilaksanakan oleh NCIA dan pihak swasta.



LANCER: Nur Mohamed (empat dari kiri) menyerahkan Hari Terbuka C&C Lab di Telup.

Bisnes

26 EPP berdaya maju

NCIA kenal pasti projek paku NCER dengan nilai sumbangan RM17.46b kepada KDNK

PIAH Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mengenal pasti 26 Projek Penguatkuasaan (EPP) yang bakal menyumbang RM17.46 bilion kepada Koridor Utara Negara (KUN) dan projek ini akan dilaksanakan oleh NCIA dan pihak swasta.

NCIA telah mengenal pasti 26 projek EPP yang bakal menyumbang RM17.46 bilion kepada KUN. Projek EPP ini akan dilaksanakan oleh NCIA dan pihak swasta.



LANCER: Nur Mohamed (empat dari kiri) menyerahkan Hari Terbuka C&C Lab di Telup.

RM100mil to help bumi putra entrepreneurs in NCER

GEORGE TOWN: The Federal Government has set aside RM100mil to assist bumi putra entrepreneurs in the Northern Corridor Economic Region (NCER).

Minister in the Prime Minister's

RM100m to help Bumi traders

JEJAK 2012: New Teraju outreach programme to help spur Bumiputera economy throughout nation



Minister in the Prime Minister's Department Tan Sri Nur Mohamed Yassin (tengah) and Teraju chief executive officer David Sahar observing Teraju outreach programme in Bagan Serai, Penang, yesterday. Pic by Ramdan Marican

NCER expects slew of US investments in 2013

NCIA chief executive officer Tan Sri Nur Mohamed Yassin (tengah) and Teraju chief executive officer David Sahar observing Teraju outreach programme in Bagan Serai, Penang, yesterday. Pic by Ramdan Marican

GEORGE TOWN: The Northern Corridor Economic Region (NCER) is set to welcome a slew of investments beginning next year.

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) chief executive officer Tan Sri Nur Mohamed Yassin said the region is expected to attract a slew of investments from the United States in 2013.

He did not delve into investment figures time-frame, except to say that at least one investment may be realised as early as next year.

"We are looking at potential investment in biotechnology which will address ways in which we can improve our productivity and competitiveness," he said.

NCIA secures 2 reinvestments from Japan investors

NACOA: The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) has secured two reinvestments from Japan investors.



NACOA: The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) has secured two reinvestments from Japan investors.

Pelabur Jepun kian yakin



pelabur yang disemak semula sebanyak RM12 bilion berbanding RM10 bilion pada peringkat awal. Ekeksistom dan pembangunan infrastruktur yang pesat di rantai ini menyumbang dalam usaha menarik pelaburan langsung asing.

Kerjasama itu bertujuan menggalakkan usaha sama antara usahawan Malaysia dan Jepun.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, koridor itu yang meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, menampung pelaburan bernilai RM8.51 bilion.


Mengenal kerjasama itu, Redza berkata NCIA akan membekalkan BTM dengan maklumat mengenai insentif

Soroton Penting Fasa Satu 2008 - 2012

Phase One Highlights 2008 - 2012


Pencapaian NCIA

Performance of NCIA



Pencapaian NCIA – Sasaran vs Sebenar


Performance of NCIA – Target vs Actual




NCIA's New Engagement Model as approved by the Members of the NCIA has pushed Koridor Utara from strength to strength.

Penyertaan Pelaburan

Participation in Investments




2011



2012

Pengiktirafan daripada Rakyat

Recognition from the Rakyat



Average score

82.3%

● Agree
● Disagree

- 1 NCIA training and skill improvement programmes can improve job opportunities and reduce unemployment
- 2 NCIA projects will enhance the quality of life of those involved and the community as a whole
- 3 NCIA projects and programmes can give direct benefits to fishermen and businessmen based on rural farming
- 4 NCIA initiatives are in line with the needs of the national economy
- 5 NCIA projects can increase the competitiveness of the NCER Territories
- 6 NCIA initiatives can help in enhancing the standard of living of the people

UUM's CITIZEN SATISFACTION INDEX: PERCEPTION OF THE GENERAL PUBLIC ON NCIA'S INITIATIVES

Peristiwa-peristiwa Penting pada tahun 2012

Significant Milestones in 2012

January

- Begin operation at NCIA's new headquarters at Menara KWSP, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town, Pulau Pinang



- Launching of Asrama Aman Jaya Harmoni in Taiping, Perak



February

- Launching of DreamEdge Digital Engineering Design Center in Taiping, Perak



- Launching ceremony of Closed GreenHouse site in Ara Kuda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang



March

- Official opening of TERAJU Koridor Utara at NCIA's headquarters at Menara KWSP, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town, Pulau Pinang



- Corridors & Cities Lab Open Day in Taiping, Perak



2012

July

- Completion of the Integrated Master Plan for Belum Temengor Tropical Rainforest.



- Malaysia Fresh Fruits Fiesta in Singapore



August

- Launching of Skim Latihan 1Malaysia outreach programme 2012 at USM, Pulau Pinang



- Supply Chain Cluster (SCC) Kick off



- MoU signing ceremony between NCIA and Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) in Kuala Lumpur



April

- Trade and Investment Mission to Kyoto and Nagoya, Japan



- Bio World Congress in Orlando, Florida, USA



May

- Trade and Investment Mission to Houston St. Louis and Phoenix, USA



- Launching ceremony of Pengurusan Estet Padi EMM programme at PPK Pokok Sena, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang



June

- CREST launching ceremony at sains@usm, Bukit Jambul, Pulau Pinang



- Launching ceremony of Program Usaha 1 AyamKU Koridor Utara at Sungai Siput Utara, Perak



October

- Phase I project Pauh, Perlis completed



- Launching of PenChem Technologies' first silicone synthesis plant at Bukit Minyak, Pulau Pinang



- Trade and Investment Mission to New York, Minneapolis and Boston USA



November

- Launching of AMBIENCE at Unimap Kuala Perlis, Perlis



December

- Biotech Centre operationalise at Bukit Minyak, Pulau Pinang



- Kick-start the Border Economic Transformation Programme



September

- Launching ceremony of ECE Technologies Sdn Bhd at Kamunting, Perak



- Agricultural Career Carnival at PWTC, Kuala Lumpur







SEKTOR PERTANIAN

AGRICULTURE SECTOR

Sektor Pertanian

Agriculture Sector



Live grouper harvested for export

Pada tahun 1970, sektor pertanian telah menyumbang kira-kira 31% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Walau bagaimanapun, kemajuan yang pesat bagi sektor perindustrian telah menyebabkan sumbangan sektor ini merosot kepada hanya 7.7%.

Meskipun berlaku perubahan sosio-ekonomi yang pesat, sektor pertanian masih merupakan salah satu sektor penting dalam ekonomi Malaysia terutama dalam peranannya menjayakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

NCIA masih meneruskan program-program pertanian yang mempunyai elemen tambah nilai kepada ekonomi. Disamping peningkatan hasil dan keuntungan, program-program NCIA juga menerapkan penggunaan teknologi dan menggalakkan amalan pertanian baik.

Akuakultur

Permintaan yang semakin meningkat terhadap ikan dan produk ikan yang telah diproses mendorong NCIA untuk membangunkan subsektor ini. Menurut Laporan Ekonomi 2012/2013, subsektor perikanan laut terjejas oleh penurunan dalam jumlah pendaratan ikan sebanyak 3.5% berjumlah 656,711 tan metrik pada tahun 2012.

Kira-kira 70% daripada tangkapan ikan di serata dunia kini samada hampir mencapai atau melebihi kapasiti, dan sebanyak 90% ikan bersaiz besar telah ditangkap. Pada kadar ini, para saintis meramalkan bahawa hasil tangkapan laut akan pupus menjelang 2048.

In 1970, the agriculture sector accounted for approximately 31% of Malaysia's gross domestic product (GDP). However, due to the country's rapid industrialisation, the sector's contribution shrunk to only 7.7% in 2012.

Despite rapid socioeconomic changes, agriculture remains one of the most important sectors of the Malaysian economy, especially in terms of food security.

In this regard, the NCIA continues to pursue programmes that add value to the economy as well as increase yields and farm incomes through the use of technology and best agricultural practices.

Aquaculture

The ever-increasing demand for fish and processed fish products prompted the NCIA to further develop this subsector. According to the Economic Report 2012/2013, the marine fishing subsector was affected by a decrease in fish landings, down 3.5% amounting to 656,711 metric tonnes in 2012.

About 70 per cent of our global fisheries are now being fished close to, already at, or beyond their capacity; and as many as 90% of all the ocean's large fish have been fished out. At the rate we are going, scientists are predicting that there will be no seafood left by the year 2048.

Penternakan Ikan Kerapu

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh NCIA termasuk ternakan ikan kerapu dan udang di Koridor Utara. NCIA telah bekerjasama dengan Progressive Ocean Sdn Bhd (POSB) dalam membangunkan ternakan ikan kerapu sejak bulan Ogos 2010. Pada tahun 2012, POSB telah menggandakan jumlah sangkar ikan daripada 800 kepada 1,600 sangkar melibatkan 32 usahawan akuakultur. Program ini dijangka akan meningkatkan jumlah pengeluaran ikan negara kepada sebanyak 192 tan metrik dengan anggaran nilai RM9.0 juta setahun. Jumlah tuaian POSB bagi tahun 2012 adalah 32 tan metrik, yang dieksport ke Hong Kong dengan hasil jualan sebanyak RM1.5 juta.

Bagi meningkatkan daya saing industri ternakan ikan kerapu, POSB telah menambah rantaian nilai syarikat dengan membangunkan sebuah pusat penetasan ikan kerapu yang serba lengkap dengan bantuan NCIA. Pusat penetasan ini bertujuan menghasilkan benih ikan kerapu untuk POSB dan penternak-penternak ikan kerapu yang lain. Projek ini dijangka menghasilkan 60 tan metrik anak ikan dan menjana 96 peluang pekerjaan.

Penternakan Udang dan Pemprosesan Makanan Laut

Malaysia merupakan salah satu pengeluar udang terbesar di Asia Tenggara, selepas Indonesia dan Thailand. Bagi mengukuhkan kedudukannya dalam subsektor ini, NCIA telah bekerjasama dengan Hannan Corporation Sdn Bhd dalam ternakan udang putih di Sungai Selinsing, Perak. Usahasama ini merangkumi kilang pemprosesan makanan udang, kolam udang dan kilang pemprosesan produk berasaskan udang. Projek ternakan udang ini melibatkan pembinaan 500 kolam dengan anggaran kapasiti pengeluaran sebanyak 14,400 tan metrik setahun apabila beroperasi sepenuhnya menjelang 2015. Sehingga Disember 2012, sejumlah 100 kolam telah siap dibina.

Program ini bertujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat dan menghasilkan 100 usahawan dan mewujudkan 500 peluang pekerjaan.

Grouper Fish Farming

The NCIA's aquaculture initiatives include grouper and shrimp farming in the region. Our collaboration with Progressive Ocean Sdn Bhd (POSB) in developing the Grouper fish farms has been progressing well since August 2010. In 2012, POSB almost doubled its marine cages, from 800 to 1,600 cages, involving 32 participating aqua-entrepreneurs. This programme is expected to increase the nation's fish yield by an additional 192 metric tonnes, with an estimated value of RM9.0 million per annum. POSB's total harvest for the year was 32 metric tonnes, which was directly exported to Hong Kong, bringing in a revenue of RM1.5 million.

In enhancing the long term viability of this venture, POSB has added to its value chain by building a full-fledged hatchery centre with assistance from the NCIA. The hatchery centre aims to produce grouper seeds for POSB and other local grouper breeders. This venture is expected to produce 60 metric tonnes of fish fry per annum and create 96 job opportunities.

Shrimp Farming and Seafood Processing

Malaysia is one of the top shrimp producers in Southeast Asia, after Indonesia and Thailand. To reinforce its position in this subsector, the NCIA is currently collaborating with Hannan Corporation Sdn Bhd in the area of white shrimp farming. Located in Sungai Selinsing, Perak, this collaboration will include a feed processing plant, construction of shrimp ponds and a shrimp-based product processing plant. The venture involves the construction of 500 ponds, with an estimated production capacity of 14,400 metric tonnes per annum once it is fully operational by 2015. As of December 2012, 100 ponds have been completed.

The programme aims to improve the socioeconomic standards of the local community and create 100 entrepreneurs and 500 job opportunities.



Shrimp hatchery

Sektor Pertanian

Agriculture Sector

Program Ikan Hiasan

Menurut Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO), industri ikan hiasan merupakan salah satu komponen perdagangan antarabangsa, perikanan dan pembangunan akuakultur. Di samping itu, nilai perdagangan antarabangsa ikan hiasan telah meningkat pada kadar 14% setahun sejak tahun 1985.

Memandangkan permintaan yang semakin meningkat, NCIA telah bekerjasama dengan E-Arowana Trading Sdn Bhd untuk ternakan ikan arowana, dengan pembinaan 74 kolam termasuk pusat pembiakan dan pengumpulan. Dianggarkan sebanyak 25 peluang pekerjaan akan diwujudkan di bawah inisiatif ini.



Ikan arowana dalam akuarium pembiakan

Hortikultur dan Padi

Hortikultur ditakrifkan sebagai sains, teknologi dan perniagaan yang melibatkan penanaman secara intensif. Menurut Laporan Ekonomi 2012, hasil padi di Malaysia telah meningkat sebanyak 6.8% kepada 2.8 juta tan metrik, manakala pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan telah berkembang sebanyak 12%.

Meskipun prestasi jumlah pengeluaran adalah menggalakkan, pengeluaran padi masih di bawah paras yang mencukupi iaitu cuma memenuhi kira-kira 65% - 70% daripada jumlah keperluan negara. NCIA menyedari bahawa ia boleh memainkan peranan dalam pengeluaran padi di kawasan atau lokasi di luar seliaan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan penanaman padi.

Ornamental Fish Programme

According to the Food and Agriculture Organisation (FAO), the ornamental fish industry is a vital component of the international trade, fisheries and aquaculture development. Moreover, the international trade of ornamental fish has increased at a rate of approximately 14% per annum since 1985.

In view of this growing demand, the NCIA has collaborated with E-Arowana Trading Sdn Bhd to develop the local arowana farming industry by constructing a 74-pond facility, which includes a breeding cum collection centre. It is estimated that 25 new job opportunities will be created through this initiative.

Horticulture and Paddy

Horticulture is defined as the science, technology and business involving intensive plant cultivation. According to the 2012 Economic Report, paddy yields in Malaysia have increased by 6.8% to 2.8 million metric tonnes, while local vegetable and fruit production has expanded by 12%.

Despite these encouraging production figures, the production of paddy continues to be below self-sufficiency levels, meeting only 65% to 70% of the total amount required for local consumption. The NCIA realises that it can play a useful role in paddy production, particularly in areas or locations outside the purview of the existing government agencies involved in paddy planting.



Mechanisation to increase paddy yield

Program Meningkatkan Hasil Padi

Program Meningkatkan Hasil Padi melalui Model Pengurusan Estet (EMM) memberi tumpuan kepada meningkatkan penggunaan jentera dan memudahcara pelbagai proses pertanian seperti perataan tanah, pengapuran, penyediaan batas, pembinaan sistem pengairan dan saliran serta penuaian. Pada tahun 2012, inisiatif EMM melibatkan pembangunan kawasan sawah seluas 1,546 hektar di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, Beseri, Perlis dan Sik, Kedah, menerusi lima usaha sama dengan agensi-agensi swasta dan kerajaan. Bilangan peserta yang mendapat faedah daripada usaha sama EMM adalah 2,946 orang.

Hasil daripada usaha sama EMM, pengeluaran padi telah meningkat daripada 4 tan metrik kepada 5.5 tan metrik hasil semusim bagi setiap hektar secara purata. Peningkatan pengeluaran padi tersebut telah menambah secara purata pendapatan para petani sebanyak RM1,450 bagi setiap hektar.

Pusat Pertanian Bersepadu & Latihan Amali Usahawan Tani

Dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan yang mampan, NCIA telah bekerjasama dengan JPB Asia Pacific Sdn Bhd untuk membangunkan sebuah Pusat Latihan Amali Usahawan Tani di Bukit Kura, Kedah. Pusat ini bertujuan menggalakkan usahawan tani bagi membangunkan tanah terbiar dengan inisiatif rumah hijau. Inisiatif ini melibatkan pembinaan sebanyak 12 rumah hijau pada tahun 2012.

Melalui program ini, sekurang-kurangnya lima usahawan tani akan menjalani latihan di pusat ini. Apabila tamat latihan, usahawan tani ini akan diserapkan sebagai peladang kontrak di Ara Kuda, Seberang Perai Utara, bagi menghasilkan tanaman bernilai tinggi secara komersil.

Increased Paddy Yield Programme

The Increased Paddy Yield Programme via the Estate Management Model (EMM) focuses on increasing mechanisation and facilitating agricultural processes such as land leveling, neutralising soil acid, preparing bunds, constructing infield drainage and harvesting. In 2012, the NCIA's EMM initiative covered 1,546 hectares in Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, Beseri, Perlis, and Sik, Kedah, involving five collaborations with private and government agencies, and benefitted 2,946 participants.

By virtue of our collaborations, the yield has increased from an average of 4 metric tonnes to 5.5 metric tonnes per season per hectare. This translates into an average additional income of RM1,450 per hectare for the participating farmers.

Agropreneur Integrated Farming and Practical Training Centre

In a bid to create sustainable employment opportunities, the NCIA collaborated with JPB Asia Pacific Sdn Bhd to establish an Agropreneur Practical Training Centre in Bukit Kura, Kedah. The centre aims to encourage agropreneurs to utilise unused agricultural land for greenhouse initiatives. In 2012, the initiative saw the construction of 12 greenhouses.

Under this programme, a minimum of five agropreneurs will undergo training annually, where they will be trained in integrated farming at the centre. Upon completion of their training, these agropreneurs will begin operating the greenhouses located in Ara Kuda, Seberang Perai Utara, to produce high value commercial crops.



High value commercial crops under the greenhouse initiatives

Sektor Pertanian

Agriculture Sector



Ladang pokok pisang di Pondok Tanjung, Perak

Pembangunan Ladang Pisang Komersil

Usaha sama antara NCIA dan I-Corn (M) Sdn Bhd berterusan pada tahun 2012 untuk membangunkan 200 ekar penanaman pisang secara komersil di Pondok Tanjung, Perak. Ladang tersebut dijangka melibatkan penyertaan 20 peladang kontrak, di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan. Peladang kontrak ini dijangka meraih pendapatan bulanan sebanyak RM4,000 hasil daripada jualan produk mereka.

Usaha sama ini meliputi program latihan usahawan tani yang memberi tumpuan kepada penanaman pisang. Program latihan ini dijangka bermula pada September 2013.

Pembangunan Ladang Betik Komersil

Dengan matlamat menyediakan bekalan betik yang berterusan bagi pasaran tempatan dan antarabangsa, NCIA mengambil pendekatan kerjasama yang serupa dengan Kedah Agro Holdings Sdn Bhd untuk penanaman betik meliputi tanah seluas 200 ekar di Bukit Tangga, Kedah. Kerjasama ini dijangka akan mewujudkan 20 usahawan tani dan sebanyak 40 peluang pekerjaan kontrak. Tuaian pertama dijangka pada bulan Januari 2013.

Commercial Banana Farm Development

The NCIA collaboration with I-Corn (M) Sdn Bhd continues in 2012 to develop 200 acres of commercial banana farming in Pondok Tanjung, Perak. The plantation is expected to involve 20 contractual farmers, thus providing employment opportunities for the local community. These contractual farmers are expected to earn an estimated RM4,000 per month from the sale of their produce.

The collaboration includes an agropreneur training programme, which focuses on the cultivation of bananas. The programme is expected to commence by September 2013.

Commercial Papaya Farm Development

With an aim to provide a continuous supply for the local and international market, the NCIA has also taken a similar collaborative approach with Kedah Agro Holding Sdn Bhd to cultivate papaya on a 200-acre land in Bukit Tangga, Kedah. This venture is expected to produce 20 agropreneurs and create 40 contractual jobs. The first harvest is expected in January 2013.



Papaya plantation in Bukit Tangga, Kedah

Penanaman Nenas Komersil

Seiring dengan peningkatan permintaan nenas MD2 dan Morris, NCIA telah bekerjasama dengan Green Agro Sdn Bhd (Green Agro) untuk membangunkan sehingga 500 ekar ladang nenas di beberapa lokasi di Kedah menjelang tahun 2015. Seterusnya, Green Agro akan melantik 20 peladang kontrak untuk penanaman dan pengurusan ladang-ladang tersebut.

NCIA juga bekerjasama dengan Data Tunggal Sdn Bhd bagi membangunkan 100 ekar ladang nenas di Sungai Petani, Kedah dengan menerapkan amalan penanaman nenas berkepadatan tinggi. Inisiatif ini melibatkan lima peladang kontrak dengan jaminan belian balik yang menyediakan pendapatan yang berterusan kepada peladang-peladang kontrak.



Program penanaman nenas berskala komersil

INDUSTRI HILIRAN

Inisiatif Burger Oblong

Bermula dengan pengeluaran sebanyak 5,000 daging burger sehari, Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) telah berkembang maju; dan kini berjaya menghasilkan sebanyak 40,000 daging burger sehari, sambil mempelbagaikan keluaran produknya. Pencapaian ini hasil daripada bantuan dan sokongan NCIA dalam menaik taraf kilang pemprosesan STSB. Kini, STSB mempunyai seramai 79 pekerja; dan menjana pendapatan tahunan sebanyak RM6.5 juta. Produk berjenama Sempoii keluaran STSB telah dipasarkan secara meluas kepada 1,000 usahawan. Syarikat ini juga telah berjaya membuka outlet utamanya di Menara Alor Setar dan Lapangan Terbang Alor Setar di Kedah. Kejayaan program ini juga telah mewujudkan satu kesan limpahan yang positif kepada industri sokongan, seperti pengeluaran roti dan pembuatan kotak-kotak pembungkusan. Kejayaan yang dicapai sehingga kini telah mendorong STSB menembusi pasaran Thailand.

Commercial Pineapple Farming

Due to the increasing demand for the MD2 and Morris varieties of pineapple, the NCIA has collaborated with Green Agro Sdn Bhd (Green Agro) to develop up to 500 acres of pineapple plantations by 2015. Green Agro will consequently outsource the cultivation and management of the plantations to 20 contractual farmers.

The NCIA has also collaborated with Data Tunggal Sdn Bhd to develop 100 acres of pineapple plantations in Sungai Petani, Kedah through the utilization of high density pineapple planting practices. This initiative involves five contract farmers utilizing a buy-back mechanism that will ensure guaranteed income for the farmers.

DOWNSTREAM ACTIVITIES

Oblong Burger Initiative

From its humble beginnings of producing a mere 5,000 beef patties a day, Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) is now producing 40,000 beef patties a day; and has diversified its products. This achievement was made possible through the NCIA's assistance in upgrading their processing plant. STSB currently employs 79 workers, generating revenue of RM6.5 million per annum, while its products under the Sempoii brand are distributed to 1,000 entrepreneurs. The company has also successfully opened its flagship outlets in Menara Alor Setar and Alor Setar Airport in Kedah. The programme's remarkable success has also created a positive spill-over effect to supporting industries, such as bread production and box carton manufacturing. Encouraged by this success, STSB has ventured to penetrate the Thai market.



STSB'S Sempoii outlet in Alor Setar Airport, Kedah




A photograph of a white car body on a production line, featuring a green tint and overlaid text. The car is positioned on a metal grate floor, and a glass door with an 'EXIT' sign is visible in the background.

SEKTOR PEMBUATAN

MANUFACTURING SECTOR

Sektor Pembuatan

Manufacturing Sector



Solar panel testing

Koridor Utara masih terus berupaya menarik pelaburan besar dalam sektor pembuatan walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar pada tahun 2012. Sebahagian besar pelaburan ini tertumpu kepada bidang utama NCIA iaitu industri Elektrik & Elektronik (E & E), Perkhidmatan Jentera & Sokongan Kejuruteraan (M & E) dan Bioteknologi. Industri pembuatan di Koridor Utara mengalami peningkatan dalam pelaburan langsung domestik daripada 8% pada tahun 2011 kepada 30% pada tahun 2012 hasil dari usaha-usaha NCIA mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta.

Peningkatan pelaburan langsung domestik bukan sahaja meningkatkan faedah-faedah pelaburan yang lazim dan peluang pekerjaan, malah ia juga meningkatkan penggunaan sumber tempatan dalam melengkapkan rantaian bekalan pembuatan. Ini adalah selaras dengan matlamat negara untuk memajukan syarikat-syarikat tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dengan memanfaatkan syarikat multinasional yang sedia ada agar syarikat-syarikat PKS berupaya mencapai kejayaan di peringkat global.

Koridor Utara continues to attract large manufacturing investments despite the challenging economic environment in 2012. A majority of these investments continues to be in our key focus areas, namely in the Electrical & Electronics (E&E), Machinery & Engineering Services (M&E) and the Biotechnology industries. Domestic direct investment in the manufacturing sector has increased from 8% in 2011 to 30% in 2012 as a result of NCIA's effort in nurturing a conducive environment to encourage private sector participation.

The increase in local private sector participation has not only helped to bring in the customary benefits of investment value and job creation, but also increased the local content in completing the manufacturing supply chain. This is in line with the nation's emphasis on transforming local companies, particularly the SMEs, to become global champions by leveraging on the existing multinationals.

Tiga teras strategik yang mempengaruhi para pelabur dalam proses membuat keputusan untuk melabur di Koridor Utara adalah:

1. Kemajuan dalam Keupayaan Reka Bentuk dan Pembangunan
2. Peningkatan dalam Proses Rantaian Nilai
3. Penubuhan Kluster-kluster

Di samping menggalakkan penyertaan sektor swasta, Koridor Utara juga telah memupuk satu ekosistem dengan meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi usahawan global melalui penubuhan pusat-pusat kecemerlangan berikut:

1. Pusat Kecemerlangan Elektrik & Elektronik (COE E&E)
2. Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Jentera & Sokongan Kejuruteraan (COE M&E)
3. Pusat Kecemerlangan Bioteknologi Pertanian (COE Agri Bio)
4. Pusat Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)

Salah satu kejayaan di Koridor Utara pada tahun 2012 bagi subsektor automotif adalah Toyo Tyre Manufacturing (M) Sdn Bhd dengan pelaburan sebanyak RM1.7 bilion. Pelaburan ini akan mewujudkan sehingga 900 peluang pekerjaan apabila beroperasi sepenuhnya. Satu lagi pencapaian yang dapat dibanggakan ialah pelaburan sebanyak RM750 juta oleh Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd untuk mendirikan kilang pemasangan automotif baru yang mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan.



Perasmian kilang silicone synthesizer PenChem Technologies oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed

The success of these investments is due to three strategic thrusts which form the tipping point in the investors' decision-making process in favour of Koridor Utara:

1. Advancement of Design & Development Capabilities
2. Enhancement of Process Value Chain
3. Establishment of Clusters

In addition to encouraging private sector participation, Koridor Utara is also nurturing an ecosystem which increases local companies' participation in moving up the value chain; and to be global players via the establishment of Centres of Excellence:

1. Centre of Excellence – Electrical & Electronics (COE E&E)
2. Centre of Excellence – Machinery & Engineering Services (COE M&E)
3. Centre of Excellence - Agricultural Biotechnology (COE Agri Bio)
4. Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) Centre

Some of the successes seen in Koridor Utara in 2012 is in the automotive sub-sector, notably an investment of RM1.7 billion by Toyo Tyre Manufacturing (M) Sdn Bhd. This investment will create up to 900 job opportunities when it is fully operational. Another success story is the RM750 million investment for a new automotive assembly plant by Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd., which will create approximately 1,000 employment opportunities.

Advancement of Design and Development Capabilities

In 2012, the NCIA collaborated with Agilent Technologies to host two local companies, namely Ceedtec Sdn Bhd and Myreka Technologies Sdn Bhd for the establishment of a Power Source Solutions laboratory and an Audio & Signal Analysis Solutions laboratory respectively. This venture will equip the local partners with the expertise to grow their portfolios in product design and development, Intellectual Property (IP) creation, manufacturing and marketing.

Another active local industry player is Penchem Technologies Sdn Bhd, a company that designs, develops and manufactures advanced materials for high technology manufacturers across the globe. The company is also an important enabler for the semiconductor, light emitting diode/solid state lighting (LED/SSL), solar and medical devices industries.

Sektor Pembuatan

Manufacturing Sector

Kemajuan dalam Keupayaan Reka Bentuk dan Pembangunan

Pada tahun 2012, NCIA telah bekerjasama dengan Agilent Technologies bersama dua syarikat tempatan iaitu Ceedtec Sdn Bhd dan Myreka Technologies Sdn Bhd, untuk membangunkan makmal *Power Source Solutions* dan makmal *Audio and Signal Analysis Solutions*. Kerjasama ini dapat meningkatkan kepakaran syarikat-syarikat tempatan untuk mempelbagaikan portfolio mereka di dalam reka bentuk dan pembangunan produk, penciptaan harta intelek, pembuatan, dan pemasaran.

Satu lagi pemain industri yang aktif adalah Penchem Technologies Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang merekabentuk, membangun dan menghasilkan *advanced materials* untuk industri berteknologi tinggi di seluruh dunia. Syarikat itu juga merupakan penggerak penting bagi industri semikonduktor, *light emitting diode / solid state lighting* (LED/SSL), solar dan peralatan perubatan.

Peningkatan Nilai Rantaian Proses

Bagi meningkatkan nilai industri-industri yang wujud di rantau ini, NCIA turut serta membantu industri-industri ini mempertingkatkan nilai rantaian proses mereka.

Justeru, NCIA telah bekerjasama dengan Singapore Aerospace Manufacturing (SAM), Pensonic Holdings Berhad, dan ECE Technologies Sdn Bhd untuk program pembangunan pembekal tempatan masing-masing sebagai satu lagi usaha ke arah meningkatkan nilai rantaian proses mereka.



Pemasangan mesin basuh di kilang ECE Technologies

Enhancement of the Process Value Chain

In enhancing the value of the industries in the region, the NCIA provides assistance in increasing the industries' value chain process.

As such, NCIA is collaborating with Singapore Aerospace Manufacturing (SAM), Pensonic Holdings Berhad and ECE Technologies Sdn Bhd on their respective local suppliers' development programmes in another effort towards enhancing their process value chain.

Establishment of Clusters

In 2012, NCIA identified two new sub-sectors as high growth areas within the E&E industry, namely the light emitting diode/solid state lighting (LED/SSL) cluster and the solar cluster. The NCIA is also seeing the emergence of the medical devices cluster.

According to a study by McKinsey, the global LED market is expected to grow exponentially to RM260.65 billion by the year 2020. In view of this, our local LED and SSL players are involving themselves actively to meet the growing demand of the global market.

This has led to the establishment of an LED and SSL certification centre in Koridor Utara, the first such facility outside the United States that has the capability to perform testing and certification as per the American National Standards Institute (ANSI). As a result of this collaboration between NCIA and QAV Technologies Sdn Bhd, the facility has become a platform to assist local companies in developing their testing and



Solar farm in Kuala Perlis, Perlis

Penubuhan Kluster-kluster

Pada tahun 2012, NCIA telah mengenal pasti dua subsektor pertumbuhan tinggi dalam industri E&E, iaitu kluster LED / SSL dan Solar. NCIA juga telah mengenal pasti kemunculan kluster peralatan perubatan.

Menurut hasil kajian McKinsey, pasaran LED global dijangka berkembang pesat sehingga RM260.65 bilion pada tahun 2020. Perkembangan ini telah mengalakkan usahawan LED dan SSL tempatan untuk turut terlibat dalam industri dan memenuhi permintaan pasaran global yang semakin meningkat.

Justeru, sebuah pusat pensijilan LED dan SSL yang pertama di luar Amerika Syarikat telah ditubuhkan dengan keupayaan untuk melakukan ujian dan pensijilan setaraf American National Standard Institute (ANSI). Hasil daripada kerjasama antara NCIA dan QAV Technologies Sdn Bhd, kemudahan ini telah menjadi satu platform untuk membantu syarikat-syarikat tempatan dalam membangunkan prosedur ujian dan pensijilan, serta memastikan produk Malaysia mematuhi piawaian global. Ini akan meningkatkan daya saing dan bahagian pasaran mereka di peringkat antarabangsa.

Dalam kluster solar, selain pelaburan asing seperti Panasonic Energy dan First Solar, terdapat juga pelaburan tempatan daripada TS Solartech Sdn Bhd dan Cypark Resources Berhad. TS Solartech telah memulakan pengeluaran pertama sel fotovoltik 60 megawatt pada pertengahan tahun 2012 di Bukit Minyak, Pulau Pinang. Pada masa yang sama, ladang solar berkapasiti 6 megawatt milik Cypark Resources Berhad telah beroperasi sepenuhnya di Kuala Perlis pada suku ke-4 2012.

certification procedures, and ensure that Malaysian products comply with global standards, thereby increasing their competitiveness and global market share.



LED heat resistance testing

Meanwhile, in the solar cluster, apart from foreign investors like Panasonic Energy and First Solar, the NCIA is also seeing local investments from TS Solartech Sdn Bhd and Cypark Resources Berhad. TS Solartech started their first production line of 60 megawatt photovoltaic cell in mid 2012 in Bukit Minyak, Pulau Pinang while Cypark Resources Berhad has fully commissioned a 6 megawatt solar farm in Kuala Perlis, Perlis in Q4 2012.



Majlis pertukaran dokumen di antara NCIA dan Cypark Resources, NAZA Automotive Manufacturing, TS Solartech dan Toyo Tyre Manufacturing

Sektor Pembuatan

Manufacturing Sector

Pusat-pusat Kecemerlangan

Di Koridor Utara, NCIA mengakui keperluan untuk memajukan teknologi dan membangunkan modal insan melalui penubuhan Pusat-pusat Kecemerlangan (COE) dan seterusnya membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya untuk melonjakkan syarikat-syarikat ini ke rantaian nilai yang lebih tinggi.

COE diwujudkan untuk meningkatkan kemahiran graduan sains dan kejuruteraan dan menyediakan perkongsian kemudahan yang memenuhi keperluan para pelabur sektor pembuatan di Koridor Utara.

Pusat Kecemerlangan Elektrik & Elektronik (COE E&E)

Pusat Kecemerlangan Elektrik & Elektronik (COE E&E) telah ditubuhkan untuk menjadi pemangkin yang membolehkan perusahaan tempatan dan syarikat-syarikat multinasional meningkat dalam rantaian nilai melalui teknologi dan pembangunan modal insan dalam sektor E&E. Empat tunggak utama COE E&E adalah *Outsourced Design Services* (ODS), penghasilan bakat, usaha sama industri-akademia dan pengkomersilan produk. ODS telah berkembang dalam bidang perekaan Litar Bersepadu (IC) terpilih dan *System-on-Chip* (SOC). Jumlah jurutera pereka ODS telah meningkat lebih daripada 50% pada tahun 2012.

Tahun 2012 merupakan tahun pertama majlis penyampaian ijazah bagi 22 Sarjana Kejuruteraan; 17 Sarjana Rekabentuk Sistem Elektronik dan lima graduan daripada Program Reka Bentuk Analog & Digital Koridor Utara (NCADD).

Dari aspek pembangunan modal insan, COE E&E juga telah menjalankan kursus jangka pendek dalam bidang reka bentuk

Centres of Excellence

In Koridor Utara, the NCIA recognises the necessity to advance technology and develop human capital via the establishment of Centres of Excellence (COEs) and subsequently enable the small and medium enterprises (SMEs) to move up the value chain.

These COEs are established to enhance the skills of science and engineering graduates, and to provide shared facilities to meet the needs of the investors within the manufacturing sector in Koridor Utara.

Centre of Excellence for Electrical & Electronics

The Centre of Excellence for Electrical & Electronics (COE E&E) was established to be the catalyst that enables local enterprises and multinational companies in the E&E sector to move up the value chain through the advancement of technology and human capital development. The 4 main pillars of the COE E&E are *Outsource Design Services* (ODS), talent creation, industry-academia collaboration and product commercialisation. The ODS has grown in selected Integrated Circuits (IC) and *Systems-on-Chip* (SOC) design areas. This resulted in an increase of more than 50% of ODS-design engineers in 2012.

The year 2012 also marked the inaugural graduation of 22 Masters in Engineering, 17 Masters in Electronic Design System and 5 Bachelor graduates from the Northern Corridor Analog Digital Design (NCADD) Programme.

Meanwhile, in the area of talent development, the COE E&E had conducted short courses in IC design and organised technical talks on technology and market-related matters, benefiting more than 800 participants.



Graduation of NCADD participants - USM convocation 2012

IC dan ceramah teknikal mengenai teknologi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pasaran. Kursus ini telah memberi manfaat kepada lebih daripada 800 peserta.

Di samping itu, projek *Energy Profile Management System* (EPMS) dan projek *LED Driver* telah dijalankan dalam usaha untuk mengkomersilkan produk. Projek-projek ini telah berjaya menghasilkan dua Harta Intelek.

Pusat Kecemerlangan Bagi Perkhidmatan Jentera dan Sokongan Kejuruteraan (COE M&E)

Pusat Kecemerlangan bagi Perkhidmatan Jentera & Sokongan Kejuruteraan (COE M&E) yang terletak di Pusat Pembangunan Teknologi NCIA (NTDC) di Bayan Lepas, Pulau Pinang telah memulakan operasi pada Januari 2012. COE M&E menawarkan latihan mesin *Computer Numerical Control* (CNC) 9-Axis dan 5-Axis, perkongsian perkhidmatan seperti prototaip pantas serta perkhidmatan perundingan.

Sepanjang tahun lalu, NCIA mendapati syarikat *precision machining* telah menjalani peralihan daripada subsektor semikonduktor kepada subsektor peralatan perubatan, terutamanya dalam bidang implan ortopedik. Dengan adanya bilangan pengeluar implan ortopedik yang besar, NCIA menjangka Koridor Utara bakal menjadi pengeksport utama di rantau ini.

NCIA juga telah bekerjasama dengan DreamEDGE Sdn Bhd, syarikat yang terlibat di dalam bidang perkhidmatan reka bentuk dan kejuruteraan, untuk menubuhkan Digital Engineering Design Centre di Taiping, Perak yang dilancarkan secara rasmi pada 2 Februari 2012 oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Mukhriz Tun Dr Mahathir. Pusat yang bernilai RM51.8 juta ini bertujuan untuk meningkatkan kepakaran tempatan dalam reka bentuk, kejuruteraan dan perkhidmatan berkaitan menggunakan teknologi bertaraf dunia dan mewujudkan 500 jurutera reka bentuk berkemahiran tinggi dalam tempoh lima tahun, di mana lebih 250 peluang pekerjaan akan disediakan menjelang 2013.



Perasmian Digital Engineering Design Centre di Taiping, Perak

In the case of product commercialisation, the activities include the Energy Profile Management System (EPMS) project and LED Driver project. This resulted in the creation of two Intellectual Property (IP) rights.



LED cast from silicones

Centre of Excellence for Machinery & Engineering Services

Located at the NCIA Technology Development Centre (NTDC) in Bayan Lepas, Penang, the Centre of Excellence for Machinery & Engineering Services (COE M&E) commenced its operations in January 2012. The COE M&E offers 9-axis and 5-axis Computer Numerical Control (CNC) machine training programmes and provides shared services such as rapid prototyping and consultancy.

For the past year, the NCIA has seen a steady transitioning of precision machining companies from the semiconductor sub-sector to the medical devices sub-sector, particularly in the area of orthopaedic implants. With the entry of the orthopaedic implants manufacturers, the NCIA foresees that Koridor Utara will be a key regional exporter of these products in the near future.

NCIA collaborated with DreamEDGE Sdn Bhd, a design and engineering services company, to establish the Digital Engineering Design Centre in Taiping, Perak. The centre was officially launched on 2 February 2012 by the Deputy Minister of International Trade and Industry, YB Dato' Mukhriz Tun Dr Mahathir. The RM51.8 million centre aims to enhance local capabilities in design and engineering related services; thus creating 500 highly skilled design engineers within the next five years, as well as over 250 job opportunities by 2013.

Sektor Pembuatan

Manufacturing Sector

Pusat Kecemerlangan Bioteknologi Pertanian (COE Agri Bio)

Pertanian adalah penyumbang utama di Koridor Utara, dengan 60% daripada tanah-tanah sawah di Semenanjung Malaysia tertumpu di rantau ini. Oleh itu, bidang bioteknologi pertanian adalah penting untuk menyokong Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Maka, COE Agri Bio telah ditubuhkan supaya menjadi pemangkin kepada pemodenan aktiviti pertanian.

Pada tahun 2012, COE Agri Bio meneruskan kerjasama dengan Kedah BioResources Corporation (KBioCorp) untuk memberi tumpuan kepada inisiatif Nod Sains Tumbuhan dan Kultur Tisu (PSTCN). Kerjasama ini bertujuan untuk membantu pengeluaran pelbagai jenis tanaman berkualiti tinggi dengan menggunakan teknologi kultur tisul dan peralatan molekul, pematuan piawaian antarabangsa, pembangunan modal insan dan inovasi.

Pusat Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)

Pusat CREST telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop pada bulan Jun 2012, di mana pusat tersebut membolehkan kerjasama antara ahli-ahli industri, akademik dan kerajaan serta menggalakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan dalam sektor E&E di Malaysia.

Wawasan CREST adalah untuk membina sebuah ekosistem penyelidikan di Koridor Utara yang memberi tumpuan pada E&E sebagai asas dan mempertingkatkan lagi sektor itu melalui kerjasama dengan ahli akademik. CREST memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sektor E&E dan menjadi pakar dalam kategori R&D, pembangunan modal insan dan pengkomersilan.

Pada masa ini, terdapat dua belas entiti yang mengambil bahagian sebagai ahli pengasas CREST, termasuk Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd, Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd, Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd, Silterra (M) Sdn Bhd, Avago Technologies (M) Sdn Bhd, National Instruments, Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd (AMD), Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn Bhd, Khazanah Nasional, Universiti Sains Malaysia (USM), Clarion (M) Sdn Bhd dan NCIA.

Projek-projek Khas

Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim (KHTP)

KHTP merupakan taman teknologi tinggi pertama di Koridor Utara. Pada tahun 2011, NCIA telah melantik KPMG Advisory Sdn Bhd untuk melakukan Kajian Bagi Meningkatkan Daya Saing KHTP. Dalam merealisasikan aspirasi KHTP untuk menjadi taman teknologi tinggi yang berdaya saing dan maju, satu Jawatankuasa Bersama telah ditubuhkan pada tahun 2012 untuk menyelia pelaksanaan cadangan-cadangan

Centre of Excellence for Agricultural Biotechnology

Agriculture is a significant contributor to the economy of Koridor Utara, with 60% of the total paddy fields in Peninsular Malaysia is concentrated in this region. In view of this fact, agricultural biotechnology is critical to support the national policy on food security. Consequently, the Centre of Excellence for Agricultural Biotechnology (COE Agri Bio) was set up to catalyse the modernisation of agricultural activities.

In 2012, the COE Agri Bio continued its collaboration with Kedah BioResources Corporation (KBioCorp) to focus on Plant Science and Tissue Culture Node (PSTCN) initiatives. The partnership aims to facilitate the production of high quality crop varieties using tissue culture technologies and molecular tools, compliance with international standards, human capital development and innovation.



Production of crops using tissue culture technologies

Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre

The Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) centre was officially launched by the Minister in the Prime Minister's Department, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop in June 2012. The centre is a platform for industry players, academia and the government to collaborate and promote research, design and development activities in the E&E sector in Malaysia.

CREST aims to establish a research ecosystem with E&E forming its base; and strengthening the sector's partnership with the academia. CREST will be focusing on areas that can help to accelerate the economic growth of the E&E sector; and specialising in the areas of R&D, talent development and commercialisation.

CREST is founded by 12 entities, comprising of Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd, Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd, Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd, Silterra (M) Sdn Bhd, Avago Technologies (M) Sdn Bhd, National Instruments, Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd (AMD), Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn Bhd, Khazanah Nasional, Universiti Sains Malaysia (USM), Clarion (M) Sdn Bhd and the NCIA.



Koridor Utara Biotech Centre at Bukit Minyak, Pulau Pinang

hasil daripada kajian tersebut. Cadangan yang disyorkan dalam kajian tersebut termasuk infrastruktur yang berkaitan dengan lalu lintas, penurapan semula jalan dan projek-projek tebatan banjir yang bakal siap pada akhir tahun 2013, serta pembinaan Kompleks Sukan dan Makanan KHTP yang dijadualkan siap pada awal tahun 2015.

Kajian ini juga telah mengenalpasti industri solar dan semikonduktor sebagai penggerak utama pembangunan KHTP. Sejak kebelakangan ini, KHTP berjaya menarik pelaburan baru daripada syarikat-syarikat solar dan semikonduktor seperti Panasonic Energy Malaysia Sdn Bhd dan Infineon Technologies.

Pusat Bioteknologi Koridor Utara (BTC)

BTC yang telah dibina dengan kos RM30 juta terletak di Taman Sains Pulau Pinang di Bukit Minyak, adalah inkubator bioteknologi utama di Koridor Utara. BTC telah berjaya disiapkan pada suku ke-empat 2012. Bidang tumpuan utama bagi BTC adalah bioteknologi pertanian dengan penekanan kepada akuakultur, sains tumbuhan dan kultur tisu.

BTC berfungsi sebagai pusat perkhidmatan sokongan dengan kemudahan terkini kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk pembangunan perniagaan, perkongsian peralatan berdasarkan guna-bayar dan ruang untuk makmal-makmal serta elemen-elemen tambah-nilai lain untuk kegunaan para penyewa bagi tujuan mengembangkan perniagaan mereka.

BTC diharap dapat melengkapkan usaha negara dalam mempercepatkan pertumbuhan industri bioteknologi di Koridor Utara.

Special Projects

Kulim Hi-Tech Park

Kulim Hi-Tech Park (KHTP) is the premier hi-tech park in Koridor Utara. In 2011, NCIA engaged KPMG Business Advisory Sdn Bhd to conduct a study on enhancing the competitiveness of KHTP. In realising KHTP's aspirations to become a competitive and advanced hi-tech park, a Joint Committee was established in 2012 to oversee the implementation of the recommendations of the study. These include upgrading traffic-related infrastructure, road resurfacing and flood mitigation projects that will be completed by the end of 2013, plus the construction of the KHTP Sports and Food Complex, scheduled for completion in the early part of 2015.

The study had identified the solar and semiconductor industry as a key driver for the growth of KHTP. In recent years, KHTP has attracted an increasing number of solar-related and semiconductor companies such as Panasonic Energy Malaysia Sdn Bhd and Infineon Technologies.

Koridor Utara Biotech Centre

Located at the Penang Science Park, Bukit Minyak, Penang, the RM30 million Koridor Utara Biotech Centre (BTC) is the NCIA's flagship biotechnology incubator. The BTC was successfully completed in Q4 2012. The BTC focuses on agricultural biotechnology, with an emphasis on aquaculture, plant science and tissue culture.

The BTC will function as a support service centre, complete with state-of-the-art facilities, providing business development support, shared pay-per-use instrumentation and space for laboratories; and other value-added elements to enable the tenants to expand their businesses.

The BTC aims to complement the nation's efforts to further accelerate the growth of the biotechnology industry within Koridor Utara.





SEKTOR PELANCONGAN

TOURISM SECTOR

Sektor Pelancongan

Tourism Sector



Scenic view of Langkawi from Telaga Harbour, Langkawi



Image courtesy of The Westin Langkawi Resort & Spa

Menurut Laporan Pelancongan 2012 Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO), Malaysia merupakan salah satu destinasi pelancongan 10 teratas dunia. Pada tahun lepas, ketibaan pelancong meningkat kepada 25 juta, peningkatan 1.3% daripada 24.7 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan per kapita pelancong meningkat dari RM2,254 bagi setiap pelancong pada tahun 2011 kepada RM2,310 pada tahun 2012. Sektor Pelancongan Koridor Utara menyumbang lebih 30% daripada perbelanjaan pelancong di dalam negara.

Koridor Utara mempunyai pelbagai tarikan pelancong, dan telah mencatat jumlah penginap hotel kedua tertinggi di luar Lembah Klang. Susulan daripada itu, strategi NCIA adalah untuk menggalakkan para pelancong tinggal lebih lama serta meningkatkan perbelanjaan mereka di Koridor Utara.

According to the United Nations World Tourism Organisation (UNWTO) Tourism Highlights 2012 report, Malaysia ranks as one of the world's top 10 tourist destinations. Last year, the number of tourist arrivals grew to 25 million, up by 1.3% from 24.7 million in 2011, with per capita tourist expenditure increasing to RM2,310 in 2012 from RM2,254 per person in 2011. The Koridor Utara tourism sector accounts for more than 30% of tourist spending in the country.

Koridor Utara is blessed with a diverse range of tourism attractions and accounts for the second highest hotel guest count in Malaysia outside the Klang Valley. Therefore, the NCIA's strategy is to encourage tourists to extend their stay and increase their spending in Koridor Utara.

Sektor Pelancongan

Tourism Sector



Greening the zoo's main entrance to naturalise its facade

Zoo Taiping & Night Safari

Zoo Taiping dan Night Safari adalah satu-satunya zoo yang terletak di Koridor Utara. Menyedari potensi pelancongan yang luas, NCIA telah mengambil langkah-langkah strategik untuk mengukuhkan kedudukan Zoo Taiping bagi memperhebatkan daya tarikan dan menarik minat lebih ramai pelancong.

Untuk meneruskan usaha menaik taraf Zoo Taiping yang bermula pada tahun 2011, NCIA telah menaik taraf kawasan tertutup Gajah dan Savana Afrika pada tahun 2012, kepada pameran bertema "Gajah-gajah Sungai Perak" dan "Pandalu Savana Afrika". Inisiatif ini membolehkan pelawat berinteraksi dan menimba pengalaman unik, sekaligus meningkatkan daya tarikan Zoo Taiping. Kerja-kerja naik taraf lain juga merangkumi penambahan elemen semulajadi di pintu masuk Zoo dan baik pulih kemudahan awam. Kerja-kerja ini dijangka siap pada September 2013. Pada masa yang sama, NCIA akan bekerja rapat dengan pihak pengurusan Zoo untuk memulakan kempen-kempen pemasaran.

Zoo Taiping & Night Safari

Zoo Taiping and Night Safari is the one and only zoo in Koridor Utara. Recognising its vast tourism potential, NCIA has taken significant steps to strengthen its position to enhance its appeal and attract a wider tourist crowd.



Reconstruction of the elephant enclosure



Dr Kevin dan "Jaya" bersama Dato' Redza di Zoo Taiping

Taiping MATTA 2012

Selaras dengan objektif untuk menggalakkan para pelancong tinggal lebih lama serta meningkatkan perbelanjaan mereka di Koridor Utara, NCIA telah menaja empat gerai bagi membolehkan sembilan peserta mempamerkan produk pelancongan mereka sempena Pesta MATTA 2012 yang diadakan di Hotel Panorama, Taiping dari 21-23 Disember 2012.

Pesta MATTA yang julung kali diadakan di Taiping ini merupakan satu kejayaan, dengan kehadiran kira-kira 10,000 pelawat.

In continuing the upgrading efforts which began in 2011, NCIA began reconstructing the Elephant and African Savannah enclosures in 2012, transforming them into the "Elephants of Perak River" and "African Savannah Drive-Through" exhibits. These upgrades will provide visitors with interactive as well as unique learning experiences, thereby enhancing the zoo's appeal. Other upgrades include naturalising the facade of the zoo's entrance and improving the public amenities. The upgrading works are slated for completion by September 2013. In the meantime, the NCIA will be working closely with the management of the Zoo to launch publicity and marketing campaigns.

Taiping MATTA 2012

In line with the objective of encouraging tourists to extend their stay and increase their spending in Koridor Utara, the NCIA sponsored four booths for nine participants to showcase their products and services in conjunction with the Malaysian Association of Tours and Travel Agents (MATTA) Fair 2012, at the Panorama Hotel, Taiping from 21 to 23 December 2012.

The inaugural Taiping MATTA fair was a success, with about 10,000 visitors recorded.



The launching of Taiping MATTA 2012 fair at Panorama Hotel, Taiping

Sektor Pelancongan

Tourism Sector

Pembangunan Lestari Hutan Tropika Belum-Temengor

Malaysia berada di kedudukan ke-12 dunia dari segi biodiversiti mega seperti yang dinyatakan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi Pelancongan di bawah Program Transformasi Ekonomi Kerajaan (ETP). Hutan Tropika Belum-Temengor (BTTR) yang berusia 130 juta tahun merupakan salah satu daripada tujuh tapak “hidup” yang dikenal pasti dalam Projek Permulaan (EPP) bagi Hab Biodiversiti Mega Malaysia di bawah ETP.

Pada tahun 2012, NCIA telah melantik perunding untuk menyediakan Pelan Induk Bersepadu (IMP) BTTR, yang telah menggariskan satu set pelan lengkap dengan 12 program dan 40 projek yang dibahagikan kepada tiga bidang utama

Sustainable Development of the Belum-Temengor Tropical Rainforest

Malaysia is ranked 12th globally in terms of its mega-biodiversity as mentioned in the Tourism National Key Economic Areas (NKEAs) under the Economic Transformation Programme (ETP). The 130-million-year-old Belum-Temengor Tropical Rainforest (BTTR) is one of the seven identified “live” sites under the ETP’s Entry Point Project (EPP) on Malaysian Mega Biodiversity Hub.

In 2012, the NCIA commissioned a consultant to prepare the BTTR Integrated Master Plan (IMP) to establish a complete set of guidelines which consists of 12 programmes and 40 projects divided into three key areas - Management, Development and Conservation. The IMP was tabled and approved by the Perak State Government in 2012.



Serene view of Belum Temengor Tropical Rainforest



Tourists' base camp site at Sungai Tiang, BTTR

iaitu Pengurusan, Pembangunan dan Pemuliharaan. IMP telah dibentangkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak pada akhir tahun 2012.

Pada tahun 2012, NCIA juga telah menaik taraf tiga tapak kem pelancongan di Sungai Kejar, Sungai Papan dan Sungai Tiang yang terletak di dalam Taman Negeri Diraja Belum. Kemudahan ini dijangka memberi pengalaman yang lebih baik kepada para pelancong dan penyelidik.

In 2012, the NCIA also embarked on upgrading three base camps at Sungai Kejar, Sungai Papan and Sungai Tiang – the only available accommodation facilities in the Royal Belum State Park. Upon completion, these facilities will complement the BTTR tourism infrastructure to improve the visitors' and researchers' experience.

Sektor Pelancongan

Tourism Sector



Hospitality crew of Seri Chenang Resort and Spa, Langkawi

Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi

Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi yang dilancarkan pada tahun 2011 oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak adalah satu usaha bersama antara sektor awam dan swasta untuk mentransformasikan Langkawi sebagai pulau peranginan yang terkenal di dunia dengan komponen flora, fauna dan geologi yang menawan.



Perasmian Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi oleh YAB Perdana Menteri

Langkawi Tourism Blueprint

The Langkawi Tourism Blueprint, launched in 2011 by the Honourable Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, was a collective effort between the public and private sector to transform Langkawi into a world renowned island resort. Langkawi is well-known for its breath-taking flora, fauna and geological formations.

The NCIA was entrusted to implement two of the key product initiatives identified in the Blueprint, namely Luxury Stays and Vibrant North West. Luxury Stays includes the development of 4 – 5 star hotels whereas Vibrant North-West relates to the commercial development of Perdana Quay/Teluk Burau area of the island.



Pool side view of Seri Chenang Resort and Spa Langkawi

NCIA telah diberi mandat untuk melaksanakan dua inisiatif produk utama yang dikenal pasti dalam Rangka Tindakan, iaitu *Luxury Stays* dan *Vibrant North West*. *Luxury Stays* merupakan inisiatif pembinaan hotel bertaraf 4 hingga 5 bintang manakala *Vibrant North West* merupakan inisiatif untuk merancakkan suasana di kawasan Perdana Quay/ Teluk Burau.

Selaras dengan objektif ini, NCIA, dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah, akan membantu pembangunan beberapa resort butik dan vila eksklusif.

Salah satu usaha NCIA dalam inisiatif *Luxury Stays* melibatkan kerjasama NCIA dengan Seri Chenang Resort dan Spa Langkawi bagi pembinaan vila-vila mewah tradisional. Vila-vila ini diilhamkan oleh keindahan rumah warisan Melayu. Kesan limpahan daripada pembangunan ini melibatkan kerjasama dengan masyarakat tempatan melalui pengambilan pekerja mahir yang berpengalaman, di samping menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha pelancongan dan nelayan-nelayan setempat.

In line with this objective, the NCIA, in collaboration with the Langkawi Development Authority (LADA) and the Kedah State Economic Planning Unit, will facilitate the development of an array of exclusive boutique resorts and villas.

One such effort for the *Luxury Stays* initiative is the NCIA's collaboration with Seri Chenang Resort and Spa Langkawi to build luxury traditional villas. The villas are inspired by beautiful Malay heritage houses. The spill-over effect of this development is the partnership with the local community, which includes the hiring of skilled locals with hospitality experience whilst providing business opportunities for local tour operators and fishermen.





SEKTOR LOGISTIK

LOGISTICS SECTOR

Sektor Logistik

Logistics Sector

Koridor Utara carries more than 45% of Malaysia's manufacturing exports

Penang International Airport carries almost 2x the value of goods as compared to Kuala Lumpur International Airport (KLIA)

Bukit Kayu Hitam & Padang Besar are gateways to 67% of South Thailand exports

Koridor Utara's production capabilities have, over time, caused the evolution of the logistics industry in the north of Malaysia



Koridor Utara's strong fundamentals in logistics is the key enabler to economic development in the region.

Koridor Utara memiliki industri logistik yang telah berkembang maju dengan peredaran masa. Sejak 40 tahun yang lepas, industri logistik telah menyokong pengeluar-pengeluar elektronik multinasional yang besar di Wilayah ini dari segi penghantaran komponen elektronik yang *time-sensitive* ke seluruh dunia. Industri ini juga telah menyokong industri pembuatan tempatan bagi barangan elektronik dan makanan yang diproses.

Koridor Utara has a well-developed logistics industry that has evolved over time. For the past 40 years, the logistics industry has been supporting the big multinational electronics manufacturers in the region in transporting time-sensitive electronic components worldwide. It has also been supporting resident manufacturing industries ranging from consumer electronics to processed food.

Kedudukan Koridor Utara adalah strategik iaitu di tengah-tengah aliran perdagangan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Peranannya dalam membolehkan perdagangan serantau adalah jelas melalui pergerakan eksport dari Selatan Thailand.

Kira-kira dua pertiga daripada eksport Selatan Thailand, terutamanya kepingan getah yang telah diproses, dibawa masuk melalui Padang Besar di Perlis dan Bukit Kayu Hitam di Kedah. Dengan penguatkuasaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang 2015, aktiviti kargo yang dikendalikan melalui Koridor Utara dijangka meningkat.

NCIA berhasrat memanfaatkan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada di Koridor Utara bagi membangunkan industri logistik.

Koridor Utara sits strategically in the centre of the Indonesia Malaysia Thailand-Growth Triangle's (IMT-GT) trade flow. Its role in enabling regional trade is evidenced by the export activities from Southern Thailand.

About two-thirds of South Thailand's exports to the world, mainly processed rubber sheets, is brought in through Padang Besar in Perlis and Bukit Kayu Hitam, Kedah. Koridor Utara's cargo activities are expected to increase when the ASEAN Free Trade Area (AFTA) comes into play in 2015.

The NCIA aims to leverage on Koridor Utara's established facilities and infrastructure in developing the logistics industry.



Penang International Airport carries twice the value of goods compared to KLIA

Sektor Logistik

Logistics Sector

One Auto Hub

Inisiatif One Auto Hub adalah suatu kerjasama dengan PKT Logistics Sdn Bhd (PKT) bertujuan menjadi pelengkap hab logistik automotif bersepadu dan menyokong industri automotif di Koridor Utara.

Pada tahun 2012, dua pengeluar automotif telah menyertai Koridor Utara, meningkatkan jumlah jenama yang dikeluarkan kepada 13. Pengeluar-pengeluar automotif di Koridor Utara juga telah mula membuat perancangan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti pemasangan mereka seperti Naza, yang telah mendirikan kilang barunya di Gurun, Kedah, bernilai RM750 juta.



Kilang automotif NAZA di Gurun, Kedah

One Auto Hub

The One Auto Hub initiative, a collaboration with PKT Logistics Sdn Bhd (PKT), is positioned as an integrated automotive logistics hub to complement and support the automotive industry in Koridor Utara.

In 2012, two more automotive brands joined the fray, making Koridor Utara host to a total of 13 automotive brands. The automotive brands in Koridor Utara have also begun planning to increase their assembly activities, with Naza investing RM750 million in a new automotive assembly plant in Gurun, Kedah.

Throughout 2012, PKT has developed and fine-tuned their plans for the One Auto Hub in Koridor Utara. They have also entered into advanced negotiations for the acquisition of a suitable land for this purpose. The proposed One Auto Hub will comprise a container yard, storage area for Completely Knocked Down (CKD) parts, amenities, warehouses for operations, as well as pre-delivery inspection and other facilities.



Artist's impression of the One Auto Hub

Sepanjang 2012, PKT Logistics Sdn Bhd telah memperhalusi perancangan mereka untuk membangunkan One Auto Hub di Koridor Utara. Mereka sedang berunding bagi memperoleh tanah yang sesuai untuk tujuan ini. Hab yang dicadangkan ini bakal mempunyai satu kawasan kontena, tempat simpanan untuk peralatan *Completely Knocked Down* (CKD), kemudahan-kemudahan asas, gudang-gudang serta pemeriksaan pra-penghantaran dan elemen-elemen sokongan yang lain.

Kluster Rantaian Bekalan

Untuk mempertingkatkan ekosistem logistik di Koridor Utara, NCIA telah memulakan dan menyelaraskan pembentukan Kluster Rantaian Bekalan (SCC). SCC ini ditubuhkan berdasarkan usaha-usaha NCIA yang telah berjaya dilaksanakan, seperti Kluster *Solid State Lighting*. SCC dianggotai oleh Agilent Technologies (Pengerusi), Intel, Motorola, DHL Group, GS1 Malaysia, Smartag Solutions, Kastam Diraja Malaysia, MITI dan NCIA.

Peranan SCC adalah untuk mempertingkatkan keupayaan rantaian bekalan di Koridor Utara dan menambah nilai dalam ekosistem logistik. Pelaksanaan peranan ini adalah dengan memanfaatkan kebijaksanaan dan pengalaman semua pengamal logistik dalam menambahbaik rantaian bekalan. Justeru, daya saing Koridor Utara dapat dipertingkatkan sebagai lokasi pembuatan, lantas mewujudkan peluang-peluang perniagaan terutamanya di dalam sektor logistik.



SCC members in discussion

Supply Chain Cluster


To further enhance the logistics ecosystem in Koridor Utara, the NCIA initiated and coordinated the formation of the Supply Chain Cluster (SCC). The SCC is modelled after similar successful efforts by the NCIA such as the Solid State Lighting Cluster. The SCC members consist of representatives from Agilent Technologies (Chairman), Intel, Motorola, DHL Group, GS1 Malaysia, Smartag Solutions, Royal Malaysian Customs, MITI as well as the NCIA.

The SCC's role is to improve the supply chain capabilities in Koridor Utara and increase value in the logistics ecosystem. This is done by leveraging on the collective wisdom and experience of logistics practitioners to improve Koridor Utara's supply chains. This would enhance the region's competitive advantage as a manufacturing base and create more business opportunities, especially for the logistics sector.



Program Structure

PSDC



10 Qualified Candidates (Degree Graduates) Selected by Host Companies

Individual Assignment of Host Companies

10 job placements at medical device companies

KORIDOR UTARA

SEKTOR PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

EDUCATION AND HUMAN CAPITAL SECTOR

Sektor Pendidikan dan Modal Insan

Education and Human Capital Sector



Graduation of NCADD participants - USM convocation 2012

Strategi-strategi Pendidikan dan Modal Insan (EHC) NCIA telah berkembang daripada program-program 'quick-win' pada tahun 2011 kepada pendekatan program-program yang lebih fokus dan strategik pada tahun 2012. Strategi-strategi yang dijalankan adalah mengikut prinsip-prinsip di bawah:

- Mewujudkan program pembangunan modal insan yang mampan dalam penyediaan *talent pool* melalui peningkatan aspek kurikulum berdasarkan modul industri yang dihasilkan bersama pihak akademik dan industri. Hal ini akan menggalakkan persekitaran inovatif ke arah pengkomersilan produk.
- Melibatkan sektor swasta dalam empat bidang teras ekonomi utama.
- Melibatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan untuk memastikan kesan limpahan sosio-ekonomi kepada rakyat.
- Memudahkan penubuhan pusat-pusat latihan industri yang diperakui.



Program pembangunan modal insan industri pembinaan bersama Akademi Binaan Malaysia

The NCIA Education and Human Capital's (EHC) strategies have evolved from facilitating quick-win programmes in 2011 to a more focused and strategic approach in 2012. The NCIA EHC strategies are developed according to the following principles:

- Creating programmes or modules in support of talent pool creation by enhancing industry relevant curriculum (academia and industry collaboration). This will foster a strong innovative environment towards product commercialisation.
- Engaging private sector in the four key thrust economic areas.
- Collaborating with various agencies and stakeholders to ensure socioeconomic spill-over to the Rakyat.
- Facilitating the establishment of certified industrial training centres.

NCIA and Akademi Binaan Malaysia (ABM) Masuk Kampung

This skill enhancement programme involves trainees from ABM, as well as non-certified experienced local construction workers where they undertake repair works of dilapidated homes of needy villagers. This programme is designed to provide practical experience for the trainees, as well as providing the opportunity for local construction workers to be certified by Construction Industry Development Board (CIDB) through ABM. ABM is a training arm of CIDB. In 2012, this home repair programme has benefited 405 people.



ABM trainees posing in front of one of the houses repaired under the NCIA - ABM Masuk Kampung

NCIA dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Masuk Kampung

Program peningkatan kemahiran ini melibatkan pelatih-pelatih daripada ABM di samping pekerja-pekerja kontrak tempatan yang berpengalaman tanpa mempunyai sijil kelayakan untuk melakukan kerja-kerja pembaikan rumah-rumah usang penduduk-penduduk kampung yang memerlukan. Program ini dirancang untuk memberi pengalaman praktikal kepada pelatih-pelatih ABM disamping menyediakan peluang kepada pekerja-pekerja kontrak tempatan mendapat sijil perakuan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) melalui ABM. ABM merupakan pusat latihan di bawah CIDB. Pada tahun 2012, seramai 405 isi rumah telah mendapat manfaat daripada program pembaikan rumah ini.

Advanced Multidisciplinary MEMS-based Integrated Electronics NCER Centre of Excellence (AMBIENCE).

Mula beroperasi secara rasmi pada November 2012, Pusat Kecemerlangan Industri Fabrikasi Wafer NCER (AMBIENCE) adalah makmal bertaraf industri pertama di Malaysia. Makmal ini telah dibangunkan dengan usaha sama strategik tiga pihak melibatkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), NCIA dan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. (Silterra).

Advanced Multidisciplinary MEMS-based Integrated Electronics NCER Centre of Excellence (AMBIENCE)

Launched in November 2012, the AMBIENCE is the first industrial-standard laboratory in Malaysia. The laboratory was developed through a tri-partite strategic partnership involving Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), NCIA and Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra).

Focusing on talent development in Micro Electronic Mechanical System (MEMS), AMBIENCE had influenced the realignment of UniMAP's Wafer Fabrication curriculum towards industry readiness. As of November 2012, the programme has seen its 25 graduates recruited as permanent employees by Silterra.

National Dual Training Schemes (NDTS)

In 2012, the NCIA began developing NDTS companies together with the Department of Skill Development (DSD) and the National Agricultural Training Council (NATC) to support the local agricultural industry to generate more skilled workers. Maskita's closed coop chicken farm is the first company to receive accreditation from DSD under the NDTS. In 2013, the NDTS 'Fast-Track' programme is expected to be implemented at identified NDTS companies in Koridor Utara.

Sektor Pendidikan dan Modal Insan

Education and Human Capital Sector

Atas penumpuan yang diberikan kepada pembangunan tenaga mahir dalam *Micro Electronic Mechanical System* (MEMS), AMBIENCE telah mempengaruhi penyusunan semula kurikulum Fabrikasi Wafer UniMAP untuk memenuhi kehendak industri. Sehingga November 2012, program ini telah melahirkan 25 orang graduan yang telah diserap sebagai pekerja tetap Silterra.

Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)

Pada tahun 2012, NCIA telah mula bergiat untuk membangunkan syarikat-syarikat SLDN bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) untuk menyokong industri pertanian tempatan bagi menjana lebih ramai pekerja mahir. Pusat ternakan ayam di dalam reban tertutup Maskita adalah syarikat pertama yang mendapat pentauliah di bawah SLDN daripada JPK. Pada tahun 2013, program 'Fast-Track' SLDN dijangka akan dilaksanakan dengan syarikat-syarikat di bawah SLDN yang telah dikenalpasti di Koridor Utara.

Agri-vocational School Enterprise Training Programme (AVSETP)

Pihak NCIA telah bekerjasama dengan pihak Morifa Resources Sdn Bhd (Morifa) dan Bahagian Pendidikan Khas (BPK) di bawah Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan AVSETP. Latihan AVSETP telah bermula pada April 2012. Program ini dirancang untuk menyediakan peluang kepada 100 orang pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran untuk menerima latihan pertanian vokasional melibatkan penanaman cendawan dan fertigasi cili.

Usaha 1 AyamKU

Program pembangunan modal insan dan keusahawanan ini telah dilaksanakan pada bulan September 2011 dengan kerjasama Pengurusan Maskita Sdn. Bhd. (Maskita). Program ini menyasarkan penternak-penternak yang berminat untuk mengembangkan perniagaan mereka disamping menyediakan peluang kepada pelajar tercicir, ibu tunggal, dan penganggur untuk bekerja dalam industri ternakan.

Dalam usaha ini, Maskita telah menjadi pusat latihan reban ayam tertutup yang pertama di bawah SLDN di Malaysia. Program ini terdiri daripada latihan teori dan amali yang dijalankan di Sungai Siput Utara, Perak. Melalui pelaksanaan reban tertutup ini, kadar kematian ayam telah berkurangan sekitar 30% berbanding kaedah konvensional.

Agri-vocational School Enterprise Training Programme (AVSETP)

The NCIA has collaborated with Morifa Resources Sdn. Bhd. (Morifa) and the Special Education Division (BPK) under the Ministry of Education to implement AVSETP. AVSETP training began in April 2012. The programme is designed to provide an opportunity for 100 students with learning disabilities to receive vocational agricultural training in mushroom cultivation and chilli fertigation.



Students undergoing agricultural training in mushroom cultivation

Usaha 1 AyamKU

This human capital and entrepreneurship development programme was implemented in September 2011 in collaboration with Pengurusan Maskita Sdn Bhd (Maskita). It targets farmers who are keen to expand their businesses as well as providing the opportunity for school dropouts, single mothers and the unemployed, to work in the poultry farming industry.

Through this endeavour, Maskita became the first closed coop chicken farming training centre under the NDTs in Malaysia. The program consists of theoretical and practical training conducted in Sungai Siput Utara, Perak. Through the implementation of the closed coop technique, the poultry mortality rate has reduced by about 30% compared to conventional method.



Program latihan penternakan ayam di dalam reban ayam tertutup di Sungai Siput Utara, Perak

Program Latihan Perantis/Pekerja Industri dan Syarikat Koridor Utara (PLAPIS-KU)

PLAPIS-KU, program NCIA bersama Noble School of Engineering (NSE) dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) adalah merupakan 'Fast Track Programme' untuk pekerja terlatih dalam pelbagai bidang teknikal seperti elektrik dan kimpalan. Latihan yang diiktiraf daripada CIDB dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) juga telah diberi kepada pelatih.

Melalui PLAPIS-KU, program ini telah berjaya melahirkan kumpulan pekerja muda terlatih yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Dua (SKM2) dan kemahiran industri sejurus tamat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Kumpulan pertama pelajar vokasional telah menerima gaji melebihi RM2,000 sebulan sebagai pekerja terlatih berkemahiran tinggi, dengan penyertaan di dalam bidang-bidang kritikal yang diperlukan oleh industri.

Program Latihan Perantis/Pekerja Industri dan Syarikat Koridor Utara (PLAPIS-KU)

PLAPIS-KU, a collaborative effort with the Noble School of Engineering (NSE) and the Technical and Vocational Education Division (BPTV), is a 'Fast Track' programme for skilled workers in various technical fields such as electrical installation and welding. Recognised value-added training programmes from the CIDB and the National Institute of Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) have also been implemented.

Through PLAPIS-KU, the programme has produced skilled young workers with Malaysian Skills Certificate Level Two (SKM2) equipped with relevant industrial skills shortly after completing the Malaysian Certificate of Examination (SPM). The first group of vocational students have received wages exceeding RM2,000 a month as highly skilled trained workers by providing their services in critical areas as required by the industries.



Graduation ceremony of the PLAPIS-KU apprenticeship programme

Sektor Pendidikan dan Modal Insan

Education and Human Capital Sector

Technical, Vocational Education and Training (TVET)

35 orang guru dari beberapa sekolah menengah teknik dan vokasional di Koridor Utara telah menghadiri latihan TVET yang dijalankan bersama Internexia Sdn Bhd. Program ini bertujuan untuk menaik taraf guru-guru yang terlibat dari Tahap 1 atau 2 (Sijil Kelayakan Vokasional Kebangsaan) ke Tahap 3 (Pegawai Latihan Vokasional). Mereka juga dijangka menerima sijil antarabangsa daripada City and Guilds, United Kingdom. Program ini bermula pada tahun 2012 dan masih berterusan.



Guru-guru dari sekolah menengah teknik dan vokasional yang sedang menjalani latihan TVET

NCIA Agropreneur Chilli Farming

Program selama 18 bulan ini adalah usaha sama dengan Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia (YKSM) untuk melahirkan 100 orang usahawan tani menggunakan sistem fertigasi. Program ini memberi penumpuan kepada penanaman cili dan penerapan aplikasi tanaman putaran.

Pembangunan Teknologi Telekomunikasi Wireless di Kolej Vokasional

Pada bulan Ogos 2011, NCIA telah bekerjasama dengan Asia Tech Biz Sdn Bhd (ATBSB) untuk menubuhkan satu pusat teknologi *Wireless Fidelity* (WiFi) dan tujuh lokasi WiFi di Kolej Vokasional (KV) yang terletak di Koridor Utara. Inisiatif ini merupakan sebahagian usaha yang mendorong kepada program pembangunan keusahawanan sekolah. Program ini selaras dengan usaha untuk menghasilkan kurikulum *industry-relevant* di KV.

Program ini telah melahirkan kumpulan guru yang berkemahiran tinggi dalam teknologi WiFi. Pada tahun 2013, program ini telah menarik perhatian Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) untuk melaksanakan model perniagaan KV Wifi di KV Lembah Kelang. Program WiFi ini telah menjadi salah satu daripada 'Tranformasi Pendidikan Vokasional' oleh BPTV.

Technical, Vocational Education and Training (TVET)

35 school teachers from a number of vocational and technical schools in Koridor Utara attended TVET training conducted by Internexia Sdn. Bhd. The programme aims to upgrade the teachers involved from Level 1 or 2 (National Vocational Qualification Certificate) to Level 3 (Vocational Training Officer). They are expected to receive an international certificate from City and Guilds, United Kingdom. The programme began in 2012 and is still ongoing.

NCIA Agropreneur Chilli Farming

This 18-month programme is a collaboration with Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia to create 100 agropreneurs through the use of the fertigation system. It focuses on chilli farming and applies the rotational crop approach.



Chilli farming agropreneur

Development of Wireless Telecommunication Technology in Vocational Colleges

In August 2011, the NCIA collaborated with Asia Tech Biz Sdn Bhd (ATBSB) in setting up a Wifi technology centre and seven Wifi hotspot locations in Vocational Colleges (VC) in Koridor Utara as part of a school entrepreneurship programme. This is in line with the effort to produce industry relevant curriculum in VC.



Teachers who have completed the Train-the-Trainer Wireless Fidelity (WiFi) technology programme

Educational City Hostel

Program yang dikenali dengan nama Edu Citi-Tel ini telah dilaksanakan dengan usaha sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini bertujuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran secara holistik untuk pelajar tahun 5 yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan, terutamanya dari kawasan luar bandar.

Program ECT telah berjaya meningkatkan pencapaian para pelajar yang berprestasi rendah. Setelah melalui program ECT selama dua tahun, 40% pelajar telah berjaya mendapat keputusan lima A dan empat A dalam peperiksaan UPSR. Program ini telah memanfaatkan 265 orang pelajar.



Perasmian Asrama Edu Citi-Tel di Taiping, Perak

This programme has produced a group of teachers who are highly specialised in Wireless Fidelity (WiFi) technology. In 2013, the programme has attracted the attention of Technical and Vocational Education Division (TVED) to replicate the VC WiFi business model in the Klang Valley. The WiFi program has now become a part of the Vocational Education Transformation Programme by TVED.

Educational City Hostel

Better known as Edu Citi-Tel, this is a programme NCIA implemented in collaboration with the Ministry of Education. The programme aims to provide a holistic learning experience for year 5 students from low income families, especially those from the rural areas.

The two year ECT programme has succeeded in improving the performance of these low-performing students, as 40% of the students have managed to obtain five A's and four A's in UPSR. The programme has benefited 265 students.



ECT students in a learning session

Menyentuh Hati Rakyat Koridor Utara

Touching the Lives of the Rakyat in Koridor Utara

Pertumbuhan ekonomi dan sosial yang seimbang adalah matlamat utama Koridor Utara dalam pembangunan wilayah ini. Oleh itu, NCIA telah melaksanakan pelbagai program pembangunan sosial dan ekonomi untuk memastikan bahawa penduduk di wilayah ini boleh mendapat manfaat dari limpahan ekonomi. Program-program ini telah berjaya mengubah kehidupan rakyat, dan berikut adalah kisah-kisah mereka:

Achieving a balance between economic growth and social equity is Koridor Utara's key strategy in developing the region. As such, the NCIA has implemented various social and economic development programmes to ensure that the people in the region are able to derive the utmost benefit from the region's economic spillovers. The programmes have been successful in transforming the lives of the people, and the following are some of the success stories:



Thamilarasu a/l Rajindium, umur 33

Sungai Siput, Perak

Program Usaha 1 AyamKU Koridor Utara

"Saya bekerja sebagai pemandu lori sebelum menyertai program penternakan ayam di dalam reban tertutup, hasil desakan rakan-rakan bekas pemandu yang memperoleh pendapatan lumayan berbanding sebelumnya.

Sepanjang latihan selama enam bulan, tenaga pengajar Maskita melatih saya selok belok kaedah ternakan ayam, bermula daripada pengurusan ladang hingga kepada teknik penjagaan kesihatan ayam.

Apabila saya ingin mengusahakan ladang sendiri, pihak Maskita telah membantu saya mendapatkan pinjaman kewangan serta membuka ladang. Bermula dengan hanya 100 ekor ayam, saya berupaya memperbesarkan ladang dengan menyewa lot tanah daripada rakan. Jumlah ternakan ayam kini telah meningkat kepada 12,000 ekor dan saya

telah berjaya mendapat kontrak membekalkan ayam kepada Ayamas.

Di samping menggandakan pendapatan, program ini membolehkan saya sentiasa bersama keluarga. Semasa bekerja sebagai pemandu lori, saya terpaksa berada di jalan selama 2 hingga 3 minggu pada satu-satu masa. Tapi kini saya dapat pulang ke rumah setiap hari untuk bersama keluarga. Saya yakin program ini adalah yang terbaik bagi saya."

Thamilarasu a/l Rajindium, age 33

Sungai Siput, Perak

Usaha 1 AyamKU Koridor Utara Programme

"I used to be a lorry driver, but quit immediately after my ex-driver friends manage to convince me to join the closed coop chicken farming programme that promises better monthly income than before.

During the six-month course, the Maskita trainers really taught me the ins and outs of chicken farming, from managing the chicken farm right down to the types of illnesses which can affect the chickens and the types of medication and vitamins needed to keep them healthy.

When I wanted to start my own farm, they helped me in securing a loan and helped me in setting up the farm. I started with 100 chickens, and later expanded the farm by renting my friend's plot of land. Now I have 12,000 chickens, and I have already secured a deal to supply them to Ayamas.

Aside from doubling my income, this programme has allowed me to be closer to my family. When I was a lorry driver, I would be on the road 2 to 3 weeks at a time. Now I get to go home and be with my family every day, so I think this is definitely a very good programme for me."



Anuar bin Ibrahim, umur 37

Usahawan tani untuk penanaman cili di Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah

"Saya bekerja sebagai pemasang kabel Telekom secara kontrak sebelum diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam program Usahawan Latihan Amali Pertanian oleh JPB Asia. Saya menerima tawaran ini kerana berminat dalam bidang pertanian, tetapi saya tidak berpengalaman dalam bidang ini. Saya melihat program ini ia sebagai satu peluang untuk menambah pengetahuan dan dapat berkongsi ilmu dengan anggota masyarakat.

Saya diberi elaun bulanan sebanyak RM1,800, iaitu melebihi daripada apa yang saya terima sebelum ini. Pelatih saya berbangsa Jepun. Walaupun terdapat sedikit kesukaran kerana halangan bahasa, saya berjaya mendapat banyak pengetahuan mengenai pertanian.

Program ini memberi peluang yang sangat baik kepada saya kerana saya tidak lagi perlu megambil masa yang lama berulang alik untuk mencari rezeki. Sebelum ini, saya perlu berulang alik agak jauh untuk ke tempat kerja, tetapi sekarang, saya berpeluang untuk bekerja berdekatan rumah melalui program ini."

Anuar bin Ibrahim, age 37

Chilli farming agroprenuer at Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah

"I was working as a Telekom cable installer on contractual basis before I was given the opportunity to take part in the Farming Entrepreneur Practical Training programme by JPB Asia. I jumped at the chance because I have always been interested in farming, but I didn't know how to go about doing it. The programme gives me the opportunity to gain some knowledge and be able to share it with others.

I get a monthly allowance of RM1,800, which is more than what I used to earn per month. My instructor is Japanese, and though there is a little bit of difficulty due to our language barriers, I managed to learn a lot about the do's and don'ts of farming.

I think the programme is very good for me as I don't have to travel very far to make a living. Before this, I have to travel quite far to get to my workplace, but now, with this programme, I have the opportunity to work closer to home."

Menyentuh Hati Rakyat Koridor Utara

Touching the Lives of the Rakyat in Koridor Utara



Kan Mei War, umur 29

Menamatkan pengajian pada 2008.

Program NCADD, 2010 - 2011.

Bekerja sebagai Jurutera Rekabentuk Automasi di Intel selepas tamat program

"Saya adalah seorang pelatih graduan Intel sebelum terpilih untuk menyertai program NCADD pada 2010. Selepas menamatkan program ini pada pertengahan 2011, Intel mengambil saya sebagai Jurutera Rekabentuk Automasi sepenuh masa.

NCADD adalah program yang sangat baik kerana ia memberi graduan peluang untuk membiasakan diri dengan persekitaran kerja yang melibatkan reka bentuk sebenar. Pengajaran pengalaman sebenar itu membolehkan graduan meningkatkan kemahiran mereka.

Para peserta program diambil bekerja sebelum mereka menamatkan program NCADD, yang membuktikan bahawa graduan dalam bidang ini sangat diperlukan pasaran dan program itu merupakan satu kejayaan. Saya berharap program NCADD ini akan diteruskan kerana ia membantu merapatkan jurang permintaan dan penawaran bagi tenaga kerja mahir di negara ini. "

Kan Mei War, age 29

Graduated in 2008.

NCADD programme, 2010 - 2011.

Employed by Intel as Design Automation Engineer upon completing the programme.

"I was a graduate trainee with Intel before I was selected to take part in the NCADD programme in 2010. After completing the programme in mid-2011, Intel invited me to join them full-time as a Design Automation Engineer.

I think the NCADD is a very good programme as it gives fresh graduates the opportunity to familiarise themselves with the working environment by doing real world design. Such hands-on experience enables the graduates to improve on their skills.

The programme participants are hired before they completed the NCADD program, which proves that the graduates are highly sought after in the market and that the program is a success. I hope that the NCADD program will continue as it helps to fill in the gap between the demand and supply for skilled manpower in the country."



From left to right: Muhd Akmal, Muhd Shafiq and Muhammad Hidayat

Muhd Akmal bin Md Rashid, umur 13

Bekas pelajar Edu-CitiTel Taiping - 2012

"Saya sangat teruja apabila dipilih untuk mengambil bahagian dalam program ini. Saya berasal daripada keluarga miskin dan mempunyai ramai adik-beradik, jadi agak susah untuk saya belajar. Program ini memberi peluang kepada saya untuk belajar dalam suasana yang lebih baik. Para guru membantu saya menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Sebelum ini, saya banyak membuang masa daripada belajar di rumah. Namun, melalui program ini, saya berjaya menguruskan masa belajar dengan lebih baik. Hasilnya, saya berjaya mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan."

Muhd Akmal bin Md Rashid, age 13

Ex-student Edu-CitiTel Taiping - 2012

"I was very excited when I was selected to take part in the programme. My family is very poor and I have many siblings, so it was quite hard for me to study. This programme was an opportunity for me to be able to study in a more organised environment. The teachers were very helpful, and they really helped me to concentrate on my studies. At home, I tend to play a lot more than study, but when I started this programme, it enabled me to arrange my time much better, and I was able to get good results in my exams."

Muhd Shafiq Ikmal bin Ibrahim, umur 13

Bekas pelajar Edu-CitiTel Taiping - 2012

"Sebelum ini, saya tidak pernah tinggal berjauhan dari rumah. Apabila saya terpilih untuk mengambil bahagian dalam program ini, saya rasa agak sukar pada mulanya, tetapi saya mendapat ramai kawan dan guru-guru juga banyak

membantu. Mereka memastikan bahawa kami menggunakan sepenuhnya peluang yang telah diberikan. Melalui program ini, pencapaian saya dalam peperiksaan menjadi bertambah baik. Program ini mengajar saya untuk berdikari, dan saya amat bersyukur dapat menyertainya."

Muhd Shafiq Ikmal bin Ibrahim, age 13

Ex-student Edu-CitiTel Taiping - 2012

"I have never stayed away from home before. When I was selected to take part in the programme, it wasn't very easy for me initially, but I made a lot of friends and my teachers were very supportive. They really made sure that we make full use of the opportunity that has been given to us. Thanks to the programme, my examination results have also improved tremendously. This programme has allowed me to learn how to become more independent, so I am really grateful to be able to take part in it."

Muhammad Hidayat bin Haris, umur 13

Bekas pelajar Edu-CitiTel Taiping - 2012

"Saya dibesarkan oleh ibu saya iaitu seorang ibu tunggal. Ibu saya bekerja sebagai tukang jahit untuk menyara saya dan kakak saya. Apabila saya dipilih menyertai program ini, ibu amat gembira kerana dia tahu saya berpeluang mendapat pendidikan yang baik. Saya rasa program ini adalah sangat baik kerana ia membantu pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik mendapatkan pendidikan yang sempurna. Ibu amat gembira dengan pencapaian UPSR saya kerana berjaya mendapat beberapa A. Saya sangat bersyukur kerana dapat menyertai program ini."

Muhammad Hidayat bin Haris, age 13

Ex-student Edu-CitiTel Taiping - 2012

"I was raised by my mother who is a single parent. She works as a seamstress to provide for me and my sister. When I was selected to take part in this programme, my mother was very happy because she knew that I will have a better chance of getting a good education. I think this is a very good programme, as it really helps under-privileged students to get a proper education. My mother was very proud of my UPSR examination results, as I had managed to score a few As. I am really thankful to be able to take part in the programme."





PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

FINANCIAL STATEMENT FOR
THE YEAR ENDED
31 DECEMBER 2012



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG)

KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA

31 MEI 2013





**CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF THE
NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

The Financial Statements of the Northern Corridor Implementation Authority for the year ended 31 December 2012 have been audited by my representative. These Financial Statements are the responsibility of the management. My responsibility is to audit and to express an opinion on these Financial Statements.

The audit has been carried out in accordance with the Audit Act 1957 and in conformity with approved standards on auditing. Those standards require an audit be planned and performed to obtain reasonable assurance that the Financial Statements are free of material misstatement or omission. The audit includes examining on a test basis, evidence supporting the amounts and disclosures in the Financial Statements. It also includes assessment of the accounting principles used, significant estimates made by the management as well as evaluating the overall presentation of the Financial Statements. I believe that the audit provides a reasonable basis for my opinion.

In my opinion, the Financial Statements give a true and fair view of the financial position of the Northern Corridor Implementation Authority as at 31 December 2012 and of the results of its operations and its cash flows for the year in accordance with the approved accounting standards.

~~(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)~~

AUDITOR GENERAL
MALAYSIA


PUTRAJAYA
31 MAY 2013




PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Kami, YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK dan YANG AMAT BERTHORMAT TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,



.....
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



.....
TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : 22 Mei 2013
Tempat : Kuala Lumpur

STATEMENT BY THE CHAIRMAN AND A MEMBER OF THE COUNCIL OF THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY

